



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI JOHOR
TAHUN 2017**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017
3	Pendahuluan
4	Objektif dan Metodologi Pengauditan
4	Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
	BAHAGIAN II
	ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
9	Latar Belakang
9	Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
9	Kumpulan Wang Disatukan
10	Wang Awam
13	Akaun Hasil Disatukan
21	Akaun Pinjaman Disatukan
22	Akaun Amanah Disatukan
30	Penyata Prestasi Kewangan
31	Penyata Akaun Memorandum
40	Rumusan dan Syor Audit
	BAHAGIAN III
	RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI
43	Status Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11
46	Rumusan

BAHAGIAN IV
PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

49	Pendahuluan
49	Pengauditan Penyata Kewangan
50	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
51	Pengesahan Penyata Kewangan
52	Pembentangan Penyata Kewangan
53	Prestasi Kewangan
64	Rumusan dan Syor Audit

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

69	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
69	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri

PENUTUP

LAMPIRAN

79	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	I
83	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	II
84	Penyata Kedudukan Kewangan	III
85	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	IV
86	Penyata Akaun Memorandum	V
87	Nota Kepada Penyata Kewangan	VI



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2017 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan ini dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Johor.
3. Laporan mengenai pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2017 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan Negeri sepanjang tahun 2017. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2017, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan ialah bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

23 Oktober 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2017. Semua dokumen sokongan dan rekod perakaunan bagi mengesahkan angka telah disediakan dan diselenggara dengan sewajarnya, teratur, kemas kini dan mencukupi serta dikemukakan untuk pengauditan bagi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2017 adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan tahun 2017 berjumlah RM2.42 bilion iaitu menurun sejumrah RM239.16 juta atau 9.0% berbanding RM2.66 bilion pada tahun 2016. Kerajaan Negeri mencatatkan surplus berjumlah RM5.27 juta menjadikan Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2017 berbaki sejumrah RM1.12 bilion. Hasil tahun 2017 telah menurun sejumrah RM105.53 juta atau 6.3% berbanding tahun 2016. Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2017 berjumlah RM1.55 bilion pula meningkat sejumrah RM8.27 juta atau 0.5% berbanding tahun 2016. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap pula berkurang RM75.0 juta atau 4.9% iaitu daripada RM1.52 bilion pada tahun 2016 kepada RM1.44 bilion pada tahun 2017. Selain itu, hutang awam yang merupakan pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan menurun sejumrah RM16.62 juta atau 3.1% daripada RM545.06 juta pada tahun 2016 kepada RM528.44 juta pada 31 Disember 2017. Tiada tunggakan bayaran balik hutang awam sehingga 31 Disember 2017. Selain itu, tunggakan hasil telah meningkat sejumrah RM181.20 juta atau 98.6% menjadikan tunggakan hasil pada tahun 2017 berjumlah RM365.07 juta berbanding RM183.87 juta pada tahun 2016.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Prestasi perbelanjaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) atau Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T) yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 2017 adalah baik di mana sejumrah RM710.51 juta atau 89.6% daripada RM793.29 juta yang diperuntukkan kepada enam (6) Jabatan Negeri telah dibelanjakan. Manakala bagi prestasi projek secara fizikal RJ5T juga adalah sangat baik iaitu

daripada 4,389 projek diluluskan, sebanyak 4,040 projek atau 92.0% telah berjaya disiapkan manakala 213 projek atau 4.9% sedang dalam pelaksanaan dan 136 projek atau 3.1% masih belum mula atau ditangguhkan.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

4. Setakat 30 September 2018, kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2017 adalah memuaskan di mana 24 atau 80.0% daripada 30 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit. Semua 28 penyata kewangan tahun 2016 telah disahkan iaitu 12 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, satu (1) penyata kewangan Majlis Agama Islam dan 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak 26 akaun agensi negeri telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dan dua (2) agensi telah diberikan Sijil Berteguran. Setakat 30 September 2018, sebanyak 21 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2016 telah dibentangkan di Dewan Negeri Johor.

5. Bagi prestasi kewangan Agensi Negeri tahun 2017, sebanyak 17 agensi negeri mengalami surplus dan tujuh (7) agensi negeri yang mengalami defisit. Selain itu, tuggakan cukai taksiran telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM42.53 juta atau 18.6% iaitu daripada RM228.34 juta pada tahun 2016 kepada RM270.87 juta pada tahun 2017. Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu meneruskan usaha untuk memastikan tuggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan.

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2016 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 23 November 2017. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2016 telah dibentangkan pada 8 Mac 2018. Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak empat (4) kali bagi tempoh April 2017 hingga Julai 2018 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri serta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2015.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.
- 1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara pada **27 Mei 2018**. Penyata yang disediakan melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2017 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan.
- 1.3. Laporan Kewangan Negeri menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta memberi ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- 1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.
- 1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2017. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.
- 1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta

sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan serta maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Johor dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan/Agensi telah diadakan pada **20 September 2018**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957, dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2017 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan**

Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Penyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VI**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN

KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2017 juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM2,424.68 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM979.47 juta dan pelaburan berjumlah RM1,445.21 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,122.84	1,117.57	5.27	0.5
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,301.84	1,546.27	-244.43	-15.8
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	212.64	446.41	-233.77	-52.4
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	-321.73	-231.99	-89.74	-38.7
	ii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	534.37	678.40	-144.03	-21.2
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	757.28	791.55	-34.27	-4.3
	c) Akaun Wang Deposit	331.92	308.31	23.61	7.7
JUMLAH		2,424.68	2,663.84	-239.16	-9.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.2.2. Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM239.16 juta atau 9.0% pada tahun 2017 iaitu daripada RM2,663.84 juta pada tahun 2016 menjadi RM2,424.68 juta. Ini disebabkan penurunan di dalam Akaun Amanah Disatukan adalah lebih besar berbanding peningkatan di dalam Akaun Hasil Disatukan. Baki Akaun Amanah Disatukan menurun sejumlah RM244.43 juta atau 15.8% daripada RM1,546.27 juta pada tahun 2016 kepada RM1,301.83 juta pada tahun 2017. Sementara itu, peningkatan Akaun Hasil Disatukan adalah sejumlah RM5.27 juta atau 0.5% iaitu daripada RM1,117.57 juta pada tahun 2016 menjadi RM1,122.84 juta pada tahun 2017.

4.2.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.2**.

**JADUAL 4.2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	485.26	844.67	998.50	1,117.57	1,122.84
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	48.16	10.18	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,265.68	1,454.59	1,628.54	1,546.27	1,301.84
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	464.25	515.89	537.83	446.41	212.64
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	-356.87	-312.97	-239.30	-231.99	-321.73
	ii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	821.12	828.86	777.13	678.40	534.37
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	402.18	622.19	737.42	791.55	757.28
	c) Akaun Wang Deposit	399.25	316.51	353.29	308.31	331.92
	JUMLAH	1,799.10	2,309.44	2,627.04	2,663.84	2,424.68

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Deposit Dalam Negeri (tempoh kurang tiga (3) bulan) dan baki akaun semasa. Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit.

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2016 dan 2017 menunjukkan penurunan berjumlah RM164.17 juta menjadi RM979.47 juta pada tahun 2017 berbanding RM1,143.64 juta pada tahun 2016. Jumlah sebenar Wang Tunai di Bank pada tahun 2017 ialah RM977.89 juta. Perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.3**.

JADUAL 4.3
BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	977.89	1,142.25	-164.36	-14.4
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.37	0.15	0.22	146.7
3.	Panjar Wang Runcit	1.21	1.24	-0.03	-2.4
	JUMLAH	979.47	1,143.64	-164.17	-14.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017


4.3.1.3. Pada keseluruhannya, penurunan wang tunai pada akhir tahun 2017 adalah disebabkan pengeluaran pelaburan dalam simpanan tetap bagi membiayai peningkatan perbelanjaan pembangunan dan penyenggaraan jalan negeri. Baki wang tunai bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.4** dan **Carta 4.1**.

JADUAL 4.4
BAKI WANG TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	1,760.40	1,837.59	1,585.64	1,142.25	977.89
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	3.94	3.13	19.97	0.15	0.37
3.	Panjar Wang Runcit	1.58	1.53	1.23	1.24	1.21
	JUMLAH	1,765.92	1,842.25	1,606.84	1,143.64	979.47

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.1
KEDUDUKAN WANG TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8, Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan lain. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah Awam selaras dengan Seksyen 9 dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, serta peraturan yang dikuatkuasakan. Pelaburan Am pula adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Hasil Disatukan.

4.3.2.2. Pada akhir tahun 2017, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1,445.21 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM1,520.20 juta. Analisis Audit mendapati penurunan sejumlah RM74.99 juta atau 4.9% pada tahun 2017 adalah disebabkan penjualan simpanan tetap yang telah matang di bank dan institusi kewangan yang berkaitan. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.5**.

**JADUAL 4.5
PELABURAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am	1,445.00	1,520.00	-75.00	-4.9
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.21	0.20	0.01	5.0
JUMLAH		1,445.21	1,520.20	-74.99	-4.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017


4.3.2.3. Analisis perbandingan baki pelaburan menunjukkan prestasi pelaburan tahun 2013 adalah yang paling rendah bagi tempoh lima (5) tahun. Prestasi pelaburan meningkat tahun 2014 hingga 2016 dan menurun pada tahun 2017 sebanyak RM74.99 juta atau 4.9%. Baki pelaburan bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.6** dan **Carta 4.2**.

**JADUAL 4.6
PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017**

BIL.	BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am	33.00	467.00	1,020.00	1,520.00	1,445.00
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.18	0.19	0.20	0.20	0.21
JUMLAH		33.18	467.19	1,020.20	1,520.20	1,445.21

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.2
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

- Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan bagi satu (1) tahun kewangan.
- Kerajaan Negeri Johor mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan surplus semasa berjumlah RM5.27 juta iaitu penurunan sebanyak RM113.80 juta atau 95.6% berbanding surplus berjumlah RM119.07 juta pada tahun 2016. Walaupun surplus semasa menurun, ia tidak menjaskan surplus terkumpul Akaun Hasil Disatukan yang meningkat kepada RM1,122.84 juta pada tahun 2017 berbanding RM1,117.57 juta pada tahun 2016. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.7**.

JADUAL 4.7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,117.57	998.50	119.07	11.9
Hasil	1,556.69	1,662.22	-105.53	-6.3
Perbelanjaan Mengurus	1,551.42	1,543.15	8.27	0.5
Surplus	5.27	119.07	-113.80	-95.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,122.84	1,117.57	5.27	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017


c. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Trend kutipan hasil bagi tahun 2017 mencatatkan penurunan berbanding 2016 dan masih tidak dapat mengatasi kutipan hasil tertinggi pada tahun 2013 yang berjumlah RM1,728.53 juta seperti **Jadual 4.8** dan **Carta 4.3**.

JADUAL 4.8
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	KATEGORI HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	316.63	338.75	397.17	419.77	451.55
2.	Hasil Bukan Cukai	1,230.45	1,007.25	961.41	920.80	908.47
3.	Terimaan Bukan Hasil	181.45	197.81	190.25	321.65	196.67
	JUMLAH	1,728.53	1,543.81	1,548.83	1,662.22	1,556.69

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.3
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1. Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2017 adalah menurun berbanding tahun 2016.

4.4.1.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran yang Diluluskan

Pada tahun 2017, kutipan hasil sebenar ialah RM1,556.69 juta adalah berkurangan sebanyak RM52.31 juta atau 3.3% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM1,609.00 juta iaitu pencapaian sebanyak 96.7%. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 4.9**.

JADUAL 4.9
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	442.42	451.55	102.1
2.	Hasil Bukan Cukai	979.68	908.47	92.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	186.90	196.67	105.2
	JUMLAH	1,609.00	1,556.69	96.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.4.1.2. Kutipan Hasil Pada Tahun 2017 Berbanding 2016

- a. Pada tahun 2017, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM1,556.69 juta menurun sebanyak RM105.53 juta atau 6.3% berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM1,662.22 juta. Penurunan ini disebabkan kutipan bagi Terimaan Bukan Hasil menurun sebanyak RM124.98 juta atau 38.8% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Jumlah kutipan hasil mengikut kategori bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.10**.

JADUAL 4.10
KUTIPAN HASIL TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	KATEGORI HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	451.55	419.77	31.78	7.6
2.	Hasil Bukan Cukai	908.47	920.80	-12.33	-1.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	196.67	321.65	-124.98	-38.8
	JUMLAH	1,556.69	1,662.22	-105.53	-6.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.4.1.3. Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017


- a. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Trend kutipan hasil bagi tahun 2017 mencatatkan penurunan berbanding 2016 dan masih tidak dapat mengatasi kutipan hasil tertinggi pada tahun 2013 yang berjumlah RM1,728.53 juta seperti **Jadual 4.11** dan **Carta 4.4**.

JADUAL 4.11
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	KATEGORI HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	316.63	338.75	397.17	419.77	451.55
2.	Hasil Bukan Cukai	1,230.45	1,007.25	961.41	920.80	908.47
3.	Terimaan Bukan Hasil	181.45	197.81	190.25	321.65	196.67
	JUMLAH	1,728.53	1,543.81	1,548.83	1,662.22	1,556.69

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.4
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

- Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri ialah Cukai Tanah Semasa/Berulang, Premium Bagi Geran, Bayaran Pendaftaran Tanah, Faedah dan Hasil dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank dan Perolehan Daripada Projek Penswastaan Kerajaan. Butiran hasil ini telah menyumbang sejumlah RM972.42 juta atau 62.5% daripada hasil tahun 2017 yang berjumlah RM1,556.69 juta berbanding kutipan tahun 2016 yang berjumlah RM1,011.94 juta atau 60.8% daripada keseluruhan hasil berjumlah RM1,662.22 juta seperti **Jadual 4.12**.

JADUAL 4.12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017		2016	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	353.77	22.7	329.03	19.8
2.	Premium Bagi Geran	301.41	19.4	391.38	23.5
3.	Bayaran Pendaftaran Tanah	125.11	8.0	123.79	7.4
4.	Faedah dan Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	97.13	6.3	101.02	6.1
5.	Perolehan Daripada Projek Penswastaan Kerajaan	95.00	6.1	66.72	4.0
JUMLAH		972.42	62.5	1,011.94	60.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

- Bagi tahun 2017, antara penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri ialah Cukai Tanah Semasa/Berulang berjumlah RM353.77 juta, diikuti oleh Premium Bagi Geran berjumlah RM301.41 juta dan Bayaran Pendaftaran Tanah yang berjumlah RM125.11 juta. Bagaimanapun sumbangan lima (5)

hasil utama ini kian menurun daripada 80.9% pada tahun 2013 kepada 62.5% pada tahun 2017. Trend kutipan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Jadual 4.13**.

JADUAL 4.13
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	BUTIRAN HASIL	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	274.61	284.86	323.37	329.03	353.77
2.	Premium Bagi Geran	842.94	457.97	471.74	391.38	301.41
3.	Bayaran Pendaftaran Tanah	132.62	156.48	114.87	123.79	125.11
4.	Faedah dan Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	90.46	58.66	35.82	101.02	97.13
5.	Perolehan Daripada Projek Penswastaan Kerajaan	58.29	55.39	27.22	66.72	95.00
JUMLAH		1,398.92	1,013.36	973.02	1,011.94	972.42
JUMLAH HASIL NEGERI		1,728.53	1,543.81	1,548.83	1,662.22	1,556.69
%		80.9	65.6	62.8	60.8	62.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.1.5. Analisis Audit mendapati 96 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM162.02 juta dan 51 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM267.55 juta. Lima (5) butiran hasil yang mengalami peningkatan ketara pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.14**. Manakala lima (5) butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.15**. Berikut adalah analisis justifikasi peningkatan dan penurunan tersebut:

JADUAL 4.14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	353.77	329.03	24.74	7.5	i. Pentadbiran menjalankan kempen membayar cukai tanah secara besar-besaran melalui radio, akhbar dan media sosial. ii. Pentadbiran membuka kaunter kutipan luar di premis-premis swasta, kerajaan dan pusat membeli belah. iii. Pentadbiran telah mengambil inisiatif mengeluarkan surat-surat peringatan secara drastik kepada hak milik yang tertunggak.
2.	Perolehan Daripada Projek Penswastaan Kerajaan	95.00	66.72	28.28	42.4	Pemantauan secara berterusan dan mesyuarat berkala telah dilakukan untuk melihat semula pulangan hasil berdasarkan perjanjian penswastaan yang telah di meterai.
3.	Bayaran Perkhidmatan yang Lain	84.67	63.53	21.14	33.3	Permohonan Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Asing yang diterima pada tahun 2017 telah meningkat sebanyak 717 permohonan berbanding tahun 2016.
4.	Bayaran Kenderaan Luar Negara yang Memasuki Malaysia Melalui Jalan Darat	20.37	4.07	16.30	400.5	Hasil ini dikutip hanya untuk tempoh 2 bulan bagi tahun 2016 manakala pada tahun 2017 hasil ini dikutip sepanjang 8 bulan bermula dari Januari sehingga September 2017.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
5.	Pelbagai Bayaran Lain	17.79	2.84	14.95	526.4	Melaraskan penerimaan oleh bank yang tiada di buku tunai dari tahun 2005 hingga 2016.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

JADUAL 4.15

JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Wang Amanah yang Tidak Bergerak dan Tidak Digunakan	30.67	121.23	-90.56	-74.7	Pada tahun 2017 tiada penutupan Akaun Amanah yang bernilai besar dilakukan sebagaimana tahun sebelumnya.
2.	Premium Geran	301.41	391.38	-89.97	-23.0	Projek Pengambilan Balik Tanah di Pengerang telah selesai pada tahun 2016 dan pemohonan tanah semakin berkurangan.
3.	Penerimaan Peruntukan Lebihan daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	0.00	20.00	-20.00	-100.0	Tiada penutupan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2017.
4.	Royalti Air Mentah	44.47	59.45	-14.98	-25.2	Pihak SAJ Ranhill Sdn Bhd telah menangguhkan pembayaran royalti air mentah bagi bulan Mei, Jun, September, Oktober, November dan Disember tahun 2017 ke awal tahun 2018.
5.	Pemberian Kos Perkhidmatan di atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	27.20	37.78	-10.58	-28.0	Kelulusan dari Kementerian Kewangan dalam pemberian bayaran ini berkurangan pada tahun 2017.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1 Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2017 berjumlah RM1,674.60 juta. Sejumlah RM1,551.42 juta atau 92.6% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 4.16**.

JADUAL 4.16

PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR BERBANDING ANGGARAN BAGI TAHUN 2017

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	494.21	482.24	97.6
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	261.03	246.10	94.3
3.	Aset	20.61	18.77	91.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	893.19	798.80	89.4
5.	Perbelanjaan Lain	5.56	5.51	99.1
JUMLAH		1,674.60	1,551.42	92.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

4.4.2.2. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM8.27 juta atau 0.5% iaitu daripada RM1,543.15 juta pada tahun 2016 menjadi RM1,551.42 juta pada tahun 2017. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 berbanding 2016 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti **Jadual 4.17**.

JADUAL 4.17
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	482.24	420.06	62.18	14.8
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	246.10	294.61	-48.51	-16.5
3.	Aset	18.77	24.45	-5.68	-23.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	798.80	800.78	-1.98	-0.2
5.	Perbelanjaan Lain	5.51	3.25	2.26	69.5
JUMLAH		1,551.42	1,543.15	8.27	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.4.2.3. Analisis Audit menunjukkan terdapat lima (5) butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan yang ketara antara RM0.15 juta hingga RM18.68 juta iaitu antara 3.0% hingga 5,871.4%. Perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun yang berjumlah RM640.00 juta mencatat peningkatan tertinggi pada tahun 2017 iaitu sejumlah RM18.68 juta atau 3.0% berbanding RM621.32 juta pada tahun 2016. Butiran perbelanjaan yang meningkat dengan ketara berserta justifikasi peningkatan adalah seperti **Jadual 4.18**.

JADUAL 4.18
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun	640.00	621.32	18.68	3.0	Menampung peruntukan perbelanjaan pembangunan tahunan sedia ada dan tambahan perbelanjaan yang perlu dijelaskan berkenaan projek Kerajaan Negeri sebagaimana yang dirancang.
2.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Perbendaharaan Negeri Johor	4.18	0.07	4.11	5,871.4	Bayaran balik perbelanjaan yang telah didahulukan oleh DYMM Sultan Johor di bawah Sodo 42000 (Pemberian Dalam Negeri)
3.	Emolumen – Jabatan Pertanian Negeri Johor	15.00	12.35	2.65	21.4	Tambahan peruntukan telah dilakukan untuk pembayaran emolumen 45 pegawai baru jawatan Penolong Pegawai Pertanian G29.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Jabatan Perhutanan Negeri Johor	1.14	0.28	0.86	307.1	Pembayaran balik prapembalakan Hutan Simpan Gunung Arong, Mersing kepada Syarikat Kilang

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
5.	Aset – Jabatan Perhutanan Negeri Johor	0.15	0.00	0.15	100.0	Papan Lapis, Labis Industries Sdn. Bhd. dan bayaran Ganjaran Cuti Rehat

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.4.2.4. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.19** dan **Carta 4.5**.

JADUAL 4.19
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Emolumen	405.35	400.46	404.50	420.06	482.24
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	263.17	267.54	295.65	294.61	246.10
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	407.79	471.34	620.18	800.78	798.80
4.	Aset dan Perbelanjaan Lain	34.43	45.06	74.66	27.70	24.28
JUMLAH		1,110.74	1,184.40	1,394.99	1,543.15	1,551.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.5
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.4.3. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

4.4.3.1. Arahan Perbendaharaan 58(a) membenarkan perbelanjaan yang dipertanggungkan pada tahun kewangan yang lepas dibayar pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Pada tahun 2017, sejumlah RM20.61 juta telah dibelanjakan di bawah AP58 (a) yang melibatkan 11 Pusat Tanggungjawab. Perbelanjaan ini

meningkat sejumlah RM0.44 juta atau 2.2% berbanding tahun 2016. Setiausaha Kerajaan Negeri Cawangan Pentadbiran mencatatkan perbelanjaan tertinggi tahun 2017 berjumlah RM10.71 juta. Antara perbelanjaan terlibat ialah bayaran bil perubatan, bayaran interim perkhidmatan penyelenggaraan bangunan Kerajaan Negeri dan pengurusan fasiliti di Kota Iskandar dan bayaran utiliti. Pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.20**.

JADUAL 4.20
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(A) PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Askar Timbalan Setia Negeri Johor	1.54	0.08	1.46	1,825.0
2.	Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor	1.35	0.04	1.31	3,275.0
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri Cawangan Pentadbiran	10.71	9.90	0.81	8.2
4.	Pejabat Kewangan Negeri	0.85	0.10	0.75	750.0
5.	Perbendaharaan Negeri	0.40	0.00	0.40	100.0
6.	Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru	0.30	0.12	0.18	150.0
7.	Badan Kawalselia Air (BAKAJ)	0.18	0.01	0.17	1,700.0
8.	Jabatan Pertanian Negeri Johor – Ibu Pejabat	0.22	0.09	0.13	144.4
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat	0.11	0.02	0.09	450.0
10.	Pejabat Daerah Johor Bahru	0.17	0.10	0.07	70.0
11.	Lain-lain PTJ (105 PTJ)	4.78	9.71	-4.93	-50.8
JUMLAH		20.61	20.17	0.44	2.2

Sumber: Laporan iSPEKS

4.4.3.2. Perbendaharaan Negeri Johor telah mengeluarkan surat peringatan berkaitan AP58 (a) kepada semua jabatan pada 25 September 2018 bagi merancang perbelanjaan dengan baik serta mengelakkan ‘bunching payment’ pada hujung tahun dengan menghantar penyata prestasi perbelanjaan setiap empat (4) bulan ke Perbendaharaan Negeri untuk pemantauan.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang Lain yang berkaitan. Pada tahun 2017, tiada pinjaman baharu diterima oleh Kerajaan Negeri Johor daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar sebagaimana kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (PPK 5). Maklumat lanjut seperti **Jadual 4.21**.

JADUAL 4.21
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	0.00	0.00	0.00	0.0
Bayaran/Pindahan	0.00	0.00	0.00	0.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

- a. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini mengakaunkan semua wang yang diterima sebagai amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM1,301.84 juta berbanding RM1,546.27 juta pada akhir tahun 2016 iaitu menurun sejumrah RM244.43 juta atau 15.8%. Baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.22**.

JADUAL 4.22
AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	212.64	446.41	-233.77	-52.4
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	757.28	791.55	-34.27	-4.3
3.	Akaun Wang Deposit	331.92	308.31	23.61	7.7
JUMLAH		1,301.84	1,546.27	-244.43	-15.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

- b. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2017 dipengaruhi oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Awam yang menurun masing-masing sejumrah RM233.77 juta dan RM34.27 juta pada tahun 2017. Penurunan Kumpulan Wang Amanah ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM89.74 juta, penurunan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM144.03 juta dan juga penutupan akaun Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM34.27 juta.

4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Johor. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil, pemberian Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.
- b. Pada tahun 2017, terimaan kumpulan wang ini berjumlah RM620.77 juta terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, pemberian Kerajaan Persekutuan, jualan rumah awam kos rendah dan pelbagai terimaan. Terimaan tahun 2017 meningkat RM46.94 juta atau 8.2% yang sebahagian besarnya disebabkan pertambahan pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan iaitu daripada RM553.04 juta pada tahun 2016 kepada RM600.0 juta pada tahun 2017. Daripada jumlah terimaan tersebut, sejumlah RM710.51 juta atau 114.5% telah dibelanjakan iaitu meningkat sejumlah RM143.99 juta atau 25.4% berbanding perbelanjaan tahun 2016 berjumlah RM566.52 juta. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2017 menyebabkan akaun ini berbaki defisit berjumlah RM89.74 juta berbanding surplus RM7.31 juta pada tahun 2016. Ini menyumbang kepada baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2017 telah mencatatkan peningkatan defisit kepada RM321.73 juta berbanding defisit RM231.99 juta pada tahun 2016. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 4.23**.

JADUAL 4.23
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-231.99	-239.30	7.31	3.1
Terimaan	620.77	573.83	46.94	8.2
Perbelanjaan	710.51	566.52	143.99	25.4
Surplus/Defisit	-89.74	7.31	-97.05	-1,327.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	-321.73	-231.99	-89.74	-38.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

c. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM710.51 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM566.52 juta pada tahun 2016 iaitu meningkat sejumlah RM143.99 juta. Peningkatan tersebut sebahagian besarnya disumbang oleh Pejabat Menteri Besar berjumlah RM45.40 juta (31.5%) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) berjumlah RM41.04 juta (28.5%). Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.24**.

JADUAL 4.24
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)*
1.	Pejabat Menteri Besar	205.76	160.36	45.40	31.5
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	116.79	89.29	27.5	19.1
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	172.17	146.23	25.94	18.0
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	116.64	75.60	41.04	28.5
5.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	66.66	64.12	2.54	1.8
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	32.49	30.92	1.57	1.1
JUMLAH		710.51	566.52	143.99	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

*Daripada Jumlah Peningkatan Perbelanjaan

4.6.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

a. Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Pinjaman, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Pelbagai Kumpulan Wang, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor. Pada akhir tahun 2017, baki Kumpulan Wang ini menurun sejumlah RM144.03 juta atau 21.2% kepada RM534.37 juta berbanding RM678.40 juta pada tahun 2016. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.25**.

JADUAL 4.25
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	PERIHAL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Pinjaman Perumahan	2.08	12.22	-10.14	-83.0
2.	Akaun Penyelesaian	17.55	55.49	-37.94	-68.4
3.	Akaun Perniagaan	0.60	0.60	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	3.47	20.57	-17.10	-83.1
5.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
6.	Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor	510.17	589.02	-78.85	-13.4
JUMLAH		534.37	678.40	-144.03	-21.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

b. Kumpulan Wang Amanah Pinjaman

Kumpulan Wang Amanah Pinjaman terdiri daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Kenderaan Kakitangan, Kenderaan ADUN dan Komputer.

i. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Pada tahun 2017, baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ialah RM2.08 juta. Baki kumpulan wang amanah ini menurun sejumlah RM10.14 juta atau 83.0% berbanding baki berjumlah RM12.22 juta pada akhir tahun 2016. Maklumat lanjut seperti **Jadual 4.26**.

JADUAL 4.26
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PINJAMAN PERUMAHAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

PERIHAL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Peruntukan	244.45	204.45	40.00	19.0
Pinjaman Perumahan	242.37	192.23	-50.14	-26.0
BAKI KUMPULAN WANG	2.08	12.22	-10.14	-83.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

ii. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perumahan

Baki pinjaman perumahan bagi 168 peminjam yang telah meninggal dunia, bersara, bertukar perkhidmatan dan berhenti berjumlah RM3.30 juta dan 41 peminjam yang masih berkhidmat berjumlah RM1.34 juta menunjukkan tiada perubahan baki pinjaman di Senarai Pinjaman Perumahan Individu semenjak tahun 1984 seperti **Jadual 4.27** dan **Jadual 4.28**.

JADUAL 4.27
BAKI PINJAMAN PERUMAHAN BAGI
PEMINJAMAN YANG TELAH MENAMATKAN PERKHIDMATAN

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			CATATAN
		BIL.	TAHUN TIDAK BERGERAK	BAKI (RM)	
1.	Meninggal dunia telah mendapat Tuntutan Pampasan Kematian (TPK)	11	1988 hingga 2010	74,592.65	11 peminjam berbaki hutang RM74,592.65 telah dikeluarkan surat sonsongan.
2.	Meninggal dunia belum mendapat TPK	34	1987 hingga 2015	920,493.30	<ul style="list-style-type: none"> 1 peminjam berbaki RM13,645.75 telah mula potongan pencen terbitan. 33 peminjam berbaki hutang RM906,847.55 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
3	Potongan terhenti tidak diketahui status	17	2000 hingga 2015	370,801.54	<ul style="list-style-type: none"> 17 peminjam berbaki hutang RM370,801.54 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			CATATAN
		BIL.	TAHUN TIDAK BERGERAK	BAKI (RM)	
4.	Telah berhenti dari perkhidmatan	10	1993 Hingga 2002	433,645.88	<ul style="list-style-type: none"> 10 peminjam berbaki hutang RM433,645.88 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
5.	Diarahkan diberhentikan potongan gaji atau penceN oleh jabatan perkhidmatan awam	12	1994 hingga 2016	57,523.21	<ul style="list-style-type: none"> 1 peminjam berbaki hutang RM7,662.13 telah diarahkan potongan penceN. 11 peminjam berbaki hutang RM49,861.08 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
6.	Tindakan Tatatertib Dibuang Kerja	6	1984 dan 1996	224,918.19	<ul style="list-style-type: none"> 1 peminjam berbaki RM78,864.81 telah mula potongan penceN. 5 peminjam berbaki hutang RM146,053.38 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
7.	Belum Dibuat Potongan PenceN	4	1999 hingga 2016	101,421.51	<ul style="list-style-type: none"> 1 peminjam berbaki RM11,150.89 telah mula potongan penceN. 3 peminjam berbaki hutang RM90,270.62 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
8.	Separutnya Telah Selesai Membuat Pemotongan Gaji/PenceN	74	1985 hingga 2017	1,114,209.73	<ul style="list-style-type: none"> 4 peminjam berbaki RM50,871.09 telah mula potongan penceN. 70 peminjam berbaki hutang RM1,063,338.64 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
JUMLAH				3,297,606.01	

Sumber: Penyata Pinjaman Perumahan Individu berakhir 31 Disember (Daftar SLP)

JADUAL 4.28 BAKI PINJAMAN PERUMAHAN BAGI PEMINJAM YANG MASIH DALAM PERKHIDMATAN

BIL.	BUTIRAN	PINJAMAN			CATATAN
		BIL.	TAHUN TIDAK BERGERAK	BAKI (RM)	
1.	Meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dan belum mendapat Tuntutan Pampasan Kematian (TPK)	12	2007 hingga 2016	461,447.51	<ul style="list-style-type: none"> 12 peminjam berbaki hutang RM461,447.51 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
2.	Tidak diketahui status sebenar	13	2015 dan 2016	479,427.05	<ul style="list-style-type: none"> 2 peminjam berbaki RM58,992.60 telah mula potongan gaji. 2 peminjam berbaki RM16,268.24 telah mula potongan penceN. 9 peminjam berbaki hutang RM404,166.21 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
3	Tindakan tatatertib dibuang kerja	4	2006 dan 2014	149,620.16	<ul style="list-style-type: none"> 4 peminjam berbaki hutang RM149,620.16 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
4.	Bersara dari perkhidmatan	12	2015 dan 2016	247,489.06	<ul style="list-style-type: none"> 3 peminjam berbaki hutang RM61,117.91 telah membuat bayaran potongan penceN. 9 peminjam berbaki hutang RM186,371.15 telah dikeluarkan surat peringatan/sonsongan.
JUMLAH				1,337,983.78	

Sumber: Penyata Pinjaman Perumahan Individu Berakhir 31 Disember (Daftar SLAS)

Selain membuat tindakan peringatan dan surat songsongan, pihak Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk melantik panel peguam bagi melaksanakan urusan lelongan kepada peminjam atau waris yang gagal menyelesaikan baki hutang.

c. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Kakitangan dan ADUN serta Komputer

- Pada tahun 2017, baki Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Kakitangan, Kenderaan ADUN dan Komputer berjumlah RM4.21 juta, RM0.29 juta dan RM0.97 juta. Maklumat lanjut seperti **Jadual 4.29**.

JADUAL 4.29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PINJAMAN KENDERAAN KAKITANGAN, KENDERAAN
ADUN DAN KOMPUTER BAGI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

JENIS PINJAMAN	PERUNTUKAN		PINJAMAN		BAKI	
	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Kenderaan Kakitangan	4.05	4.05	0.16*	0.80*	4.21	4.85
Kenderaan ADUN	1.00	1.00	0.71	0.83	0.29	0.17
Komputer	1.20	1.20	0.23	0.25	0.97	0.95
JUMLAH	6.25	6.05	0.78	0.28	5.47	5.97

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

*Baki Kredit

- Berdasarkan **Jadual 4.29** Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Kakitangan menunjukkan kumpulan wang tersebut telah menerima lebihan bayaran balik sejumlah RM0.16 juta pada tahun 2017 dan RM0.80 juta pada tahun 2016.
- Selain itu, sehingga 31 Disember 2017, Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Kakitangan, Kenderaan ADUN dan Komputer di Penyata Kewangan menunjukkan perbezaan dengan Senarai Baki Individu berjumlah RM0.83 juta seperti **Jadual 4.30**.

JADUAL 4.30
PERBEZAAN BAKI PINJAMAN DI PENYATA
KEWANGAN BERBANDING SENARAI BAKI INDIVIDU

PINJAMAN	BILANGAN PEMINJAM	BAKI DI PENYATA KEWANGAN (RM)	SENARAI BAKI INDIVIDU (RM)	PERBEZAAN (RM)
Kenderaan	60	160,328.24	(266,156.18)	426,484.42
Kenderaan ADUN	7	(711,170.44)	(308,128.16)	403,042.48
Komputer	97	(232,266.04)	(236,945.40)	4,679.36
JUMLAH				834,206.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

d. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor

- i. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor diselenggarakan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan yang digunakan khusus bagi membiayai program penyenggaraan semua jalan raya negeri yang dikawal oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pada tahun 2017, sejumlah RM593.78 juta terimaan daripada Kerajaan Persekutuan telah diakaunkan ke kumpulan wang ini. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor pada 31 Disember 2017 ialah RM510.16 juta. Baki kumpulan wang amanah ini menurun sejumlah RM78.86 juta atau 13.4% berbanding baki berjumlah RM589.02 juta pada akhir tahun 2016. Peratus perbelanjaan berbanding terimaan bagi tempoh 2013 hingga 2017 terus meningkat setiap tahun kepada 113.3% pada tahun 2017. Maklumat lanjut seperti **Jadual 4.31**.

JADUAL 4.31
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH PENYENGGARAAN
JALAN RAYA NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI	TERIMAAN	PERBELANJAAN	BAKI PADA 31 DISEMBER	PENGGUNAAN
	(Rm Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2013	551.16	493.11	353.33	690.94	71.7
2014	690.94	531.23	535.30	686.87	100.8
2015	686.87	544.33	569.51	661.69	104.6
2016	661.69	577.79	650.46	589.02	112.6
2017	589.02	593.78	672.64	510.16	113.3

Sumber: Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor Bagi Tahun 2013 Hingga Tahun 2017

- ii. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM15.99 juta seiring dengan peningkatan panjang jalan negeri yang didaftarkan pada tahun 2017 iaitu 22,168.73 km berbanding 21,264.29 km pada tahun 2016. Peningkatan perbelanjaan tahun 2017 memberi kesan kepada penurunan baki akaun amanah sebanyak RM78.86 juta atau 13.4%. Peningkatan perbelanjaan yang berterusan adalah baik bagi memastikan jalan negeri sentiasa menepati standard ditetapkan.

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

- a. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Sumber kewangan Kumpulan Wang Amanah Awam adalah terimaan daripada

orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

i. Akaun Wang Amanah Awam

- Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Johor mempunyai satu (1) Akaun Wang Amanah Khas dan 72 Akaun Wang Amanah Am yang dikendalikan oleh 19 Jabatan Negeri yang berbaki RM757.28 juta. Jumlah tersebut menurun sejumlah RM34.27 juta atau 4.3% berbanding baki tahun 2016 yang berjumlah RM791.55 juta. Faktor utama penurunan ialah disebabkan penutupan lima (5) akaun amanah yang telah mencapai objektif, tidak aktif dan tidak diperlukan.
- Sebanyak lapan (8) akaun amanah baharu telah dibuka yang diselenggarakan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Badan Kawal Selia Air Johor dan Pejabat Menteri Besar Johor. Senarai lapan (8) akaun amanah baharu tersebut adalah seperti **Jadual 4.32**.

JADUAL 4.32
AKAUN AMANAH BAHARU BAGI TAHUN 2017

BIL.	AKAUN AMANAH	TERIMAAN (RM Juta)	OBJEKTIF PENUBUHAN
1.	Pembangunan Tanah Pekan Nenas	1.00	Memperakaunkan bayaran pampasan Kuarters JKR di Pekan Nenas, Pontian Johor bagi cadangan penswastaan pembangunan tanah-tanah Kerajaan terbiar oleh Faspadu Sdn Bhd.
2.	Johor Centre For Contractor Development (JCCD)	1.20	Mengakaun terimaan dan perbelanjaan bagi pembangunan, pengurusan dan operasi JCCD seperti pejabat dan renovasi, bayaran gaji, elauan serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan menggunakan hasil kutipan sumbangan 0.5% ke atas kontrak Kerajaan Negeri serta peruntukan Tanggungjawab Sosial Korporat daripada KPRJ.
3.	Johor Golf And Country Club*	0.00	Pembayaran bagi pembangunan semula tanah Johor Golf & Country Club (JGCC), Mukim Bandar, Johor Bahru, Johor oleh Tanjung Nakhoda (M) Sdn. Bhd.
4.	Empangan Kahang	0.15	Memperakaunkan terimaan wang daripada pihak Kerajaan dan Badan Berkanun untuk pembayaran bagi kerja-kerja penambakan tanah dan lain-lain kos yang berkaitan.
5.	Pelan Transformasi Daerah Kota Tinggi	5.00	Memperakaunkan semua terimaan dan bayaran pulangan "In-kind" pembangunan projek awam di daerah Kota Tinggi khusus untuk Pelan Transformasi Daerah Kota Tinggi dan Kembara Wangsa oleh Pesaka Persada Sdn Bhd.
6.	Ekspo Johor Berkemajuan	0.13	Penyaluran sumber pembiayaan penganjuran Ekspo Johor Berkemajuan.
7.	Pembangunan Media Kerajaan Johor	1.00	Memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan daripada pihak Kerajaan dan Badan Berkanun untuk pembayaran bagi kerja-kerja dan perkhidmatan untuk membangunkan media Kerajaan Johor meliputi media cetak dan media elektronik dan lain-lain kos yang berkaitan.
8.	BARRAGE, Sungai Johor	0.15	Memperakaunkan terimaan wang daripada pihak Kerajaan dan Badan Berkanun untuk pembayaran kerja-kerja penambakan tanah dan lain-lain kos yang berkaitan.
JUMLAH		8.63	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017

*Ditubuhkan pada 27 Disember 2017 dan menerima sumbangan mulai 2018

4.6.3. Akaun Wang Deposit

- a. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Deposit Khusus merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu dan akan dibayar balik kepada pendeposit setelah maksudnya tercapai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasannya kepada akaun tertentu.
- b. Pada akhir tahun 2017, Kerajaan Negeri mempunyai 21 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 39 Jabatan melalui 109 akaun deposit yang berbaki RM331.92 juta. Baki tersebut telah meningkat sejumlah RM23.61 juta atau 7.7% berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM308.31 juta seperti **Jadual 4.33**. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan Deposit Urusan Tanah Kerajaan berjumlah RM31.85 juta atau 22.7% dan pewujudan akaun deposit baharu iaitu Deposit Pembelian Rumah Taman Bayu Damai Pengerang sejumlah RM9.19 juta dan Deposit Pelarasan Cek/EFT Terbatal berjumlah RM2.87 juta.

**JADUAL 4.33
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT TAHUN 2017 BERBANDING 2016**

BIL.	JENIS DEPOSIT	BILANGAN PTJ		BAKI DEPOSIT		PERUBAHAN	
		2017	2016	2017	2016		
				(Rm Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am			99.32	119.02	-19.7	-16.6
2.	Deposit Khusus	109	105	229.73	189.29	40.44	21.4
3.	Deposit Pelarasan			2.87	0.00	2.87	0.0
JUMLAH		109	105	331.92	308.31	23.61	7.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2016

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

- 4.7.1. Pada tahun 2017, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM1,556.69 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1,551.42 juta. Kerajaan Negeri mencatatkan kurangan keseluruhan berjumlah RM705.23 juta berbanding RM447.45 juta pada tahun 2016. Kurangan tersebut dibiayai oleh terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan dalam tunai, pelaburan dan amanah. Butiran penyata prestasi kewangan adalah seperti **Jadual 4.34**.

JADUAL 4.34

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
JUMLAH HASIL	1,556.69	1,662.22	-105.53	-6.3
(-) Perbelanjaan Mengurus	1,551.42	1,543.15	8.27	0.5
(-) Perbelanjaan Pembangunan	710.51	566.52	143.99	25.4
KURANGAN KESELURUHAN	-705.23	-447.45	257.78	57.6
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	20.76	20.79	-0.03	-0.1
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	684.47	426.66	257.81	60.4
JUMLAH PEMBIAYAAN	705.23	447.45	257.78	57.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.7.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan Negeri menunjukkan penurunan sejumlah RM105.53 juta atau 6.3% iaitu daripada RM1,662.22 juta pada tahun 2016 kepada RM1,556.69 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM8.27 juta atau 0.5% daripada RM1,543.15 juta pada tahun 2016 kepada RM1,551.42 juta pada tahun 2017. Peningkatan perbelanjaan yang tidak selari dengan penurunan hasil pada tahun 2017 memberi kesan kepada prestasi kewangan Kerajaan Negeri iaitu penurunan surplus daripada RM119.07 juta kepada RM5.27 juta pada tahun 2017.

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbang. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, pelaburan dan tunggakan hasil, manakala Penyata Akaun Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam negeri.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri/Syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

4.8.1.2. Analisis Audit mendapati baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2017 meningkat sejumlah RM26.04 juta atau 5.0% iaitu daripada RM523.57 juta pada tahun 2016 menjadi RM549.61 juta pada tahun 2017. Sehingga akhir tahun 2017, masih tiada bayaran balik dibuat oleh Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. terhadap pinjaman berjumlah RM352.42 juta yang

terdiri daripada RM334.51 juta daripada Kerajaan Persekutuan yang diperoleh semenjak 1982 hingga 1994 dan RM17.91 juta yang merupakan bayaran pendahuluan penggunaan air bersih daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2011. Selain itu, Johor Land Berhad telah membuat tambahan pinjaman bagi Membina Rumah Mampu Milik sebanyak RM50.0 juta pada tahun 2017. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.35**.

JADUAL 4.35
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2017 BERBANDING 2016

AGENSI	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
BADAN BERKANUN					
Perbadanan Johor	81.92	58.56	60.26	-1.70	-2.8
PIJ Holdings Sdn. Bhd.	60.00	48.00	60.00	-12.0	-20.0
Johor Land Berhad	100.00	90.00	50.00	40.0	80.0
Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor	0.38	0.15	0.23	-0.08	-34.8
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
2 Pihak Berkua Tempatan	3.82	0.48	0.66	-0.18	-27.2
BADAN-BADAN LAIN					
Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd.	352.42	352.42	352.42	0.0	0.0
JUMLAH	598.54	549.61	523.57	26.04	5.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.8.1.3. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.36**.

JADUAL 4.36
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT OLEH KERAJAAN NEGERI TAHUN 2013 HINGGA 2017

AGENSI	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
Perbadanan Johor	82.62	79.06	69.85	60.26	58.56
PIJ Holdings Sdn. Bhd.	0.00	0.00	60.00	60.00	48.00
Johor Land Berhad	0.00	0.00	50.00	50.00	90.00
Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	0.00	0.38	0.31	0.23	0.15
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
2 Pihak Berkua Tempatan	4.15	2.52	0.84	0.66	0.48
BADAN-BADAN LAIN					
Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd.	352.42	352.42	352.42	352.42	352.42
JUMLAH	439.19	434.38	533.42	523.57	549.61

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan saham yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2017 adalah berjumlah RM694.37 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor (Tabung) berjumlah RM672.37 juta, Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. berjumlah RM1.0 juta dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM1.0 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Akaun Memorandum pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.37**.

JADUAL 4.37
KEDUDUKAN PELABURAN TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	672.37	811.07	-138.70	-17.1
2.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	0.00	100.00	-100.00	-100.0
3.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.0
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0.0
5.	SAJ Ranhill Sdn. Bhd.	20.00	0.00	20.00	100.0
JUMLAH		694.37	913.07	-218.70	-24.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 dan 2017

4.8.2.2. Analisis Audit menunjukkan pelaburan ini menurun sejumlah RM218.70 juta atau 24.0% berbanding baki berjumlah RM913.07 juta pada tahun 2016. Pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan telah menurun sejumlah RM138.70 juta atau 17.1% menjadi RM672.37 juta pada tahun 2017 berbanding sejumlah RM811.07 juta pada tahun 2016. Ini disebabkan penjualan 150,000 unit saham Business Cronicles Sdn. Bhd. bernilai RM150 juta kepada Jcorp Capital Excellent pada 14 Disember 2017. Pelaburan oleh Tabung Amanah Warisan memberikan pendapatan dan dividen berjumlah RM42.25 juta pada tahun 2017 berbanding RM58.78 juta pada tahun 2016.

4.8.2.3. Pada tahun 2017, kesemua saham SAJSB bernilai RM100.0 juta telah dipindah milik kepada Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. atas kelulusan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pulangan kepada Kerajaan Negeri atas perpindahan saham tersebut masih belum diputuskan.

4.8.2.4. Selain itu, mulai 5 Januari 2015, Kerajaan Negeri memiliki saham di Syarikat SAJ Ranhill Sdn. Bhd berjumlah RM20.0 juta bagaimanapun hanya diakaunkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2017. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.38** di mana pelaburan tahun 2016 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 4.38
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	470.12	505.80	548.08	811.07	672.37
2.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	100.00	100.00	100.00	100.00	0.00
3.	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
5.	SAJ Ranhill Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	20.0
JUMLAH		572.12	607.80	650.08	913.07	694.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.2.5. Analisis Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum bagi Syarikat Permodalan Darul Takzim (PDT) dan Kumpulan Pasarana Rakyat Johor (KPRJ) tidak menunjukkan perubahan bagi tempoh lima (5) tahun. Pada tahun 2017, kedua-dua syarikat tersebut tidak memberi dividen kepada Kerajaan Negeri berbanding RM20.0 juta pada tahun 2016 oleh KPRJ. Selain itu, tiada dividen diterima bagi pelaburan Kerajaan Negeri di Syarikat Ranhill Sdn. Bhd. Kedudukan pelaburan dan pulangan dividen Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.6**.

CARTA 4.6
KEDUDUKAN PELABURAN DAN
PULANGAN DIVIDEN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Pada akhir tahun 2017, baki hutang awam Kerajaan Negeri Johor adalah berjumlah RM528.44 juta berbanding RM545.06 juta pada tahun 2016 iaitu menurun sejumrah RM16.62 juta atau 3.1%. Penurunan ini disebabkan oleh

bayaran balik pinjaman berjumlah RM16.62 juta yang dibuat mengikut tarikh matang termasuk anuiti baru penjadualan semula pinjaman Perbadanan Johor. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.39**.

JADUAL 4.39
HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI DENGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN 2016

BIL.	PINJAMAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	16.58	18.32	-1.74	-9.5
2	Projek Bekalan Air	334.51	334.51	0.00	0.0
3	Projek Perbadanan Johor	53.99	60.26	-6.27	-10.4
4	Pinjaman Lain	123.36	131.97	-8.61	-6.5
JUMLAH		528.44	545.06	-16.62	-3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017


4.8.3.2. Pinjaman Kerajaan Negeri bagi maksud Projek Bekalan Air berjumlah RM334.51 juta masih tidak berubah sejak tahun 1982 kerana ada cadangan untuk menyerahkan pinjaman ini kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), bagaimanapun tiada keputusan dibuat sehingga berakhir tahun 2017. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri Johor melalui Menteri Besar pada 5 Jun 2018 telah memohon pertimbangan Perdana Menteri agar pinjaman berjumlah RM334.51 juta tersebut dijadikan sebagai geran kepada Kerajaan Negeri Johor dan masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri Johor bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 4.40** dan **Carta 4.7**.

JADUAL 4.40
KEDUDUKAN HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	26.38	24.16	21.50	18.32	16.58
2.	Projek Bekalan Air	334.51	334.51	334.51	334.51	334.51
3.	Projek Perbadanan Johor	77.12	73.56	69.85	60.26	53.99
4.	Pinjaman Lain	104.38	151.69	140.24	131.97	123.36
JUMLAH		542.39	583.92	566.10	545.06	528.44

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

CARTA 4.7
KEDUDUKAN HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3.3. Prestasi Bayaran Balik Hutang Awam

Analisis Audit mendapati bayaran balik hutang awam oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 menurun sejumlah RM12.61 juta atau 43.1% iaitu daripada RM29.23 juta pada tahun 2016 kepada RM16.62 juta pada tahun 2017. Antaranya disebabkan perkara-perkara berikut :

- tamatnya bayaran balik anuiti pinjaman Kerajaan Johor kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016 iaitu PAKR Tiram II Timur (No. Pinjaman 101A/1988/070) dan PAKR Tiram II Barat (No. Pinjaman 101A/1988/069);
- Perbendaharaan Negeri Johor telah membuat penyelesaian penuh pinjaman pada tahun 2016 iaitu PAKR Nelayan Penyabong (No.Pinjaman 101A/1993/039), PAKR Yong Peng II Fasa II (No.Pinjaman 101A/1999/028), PAKR Bandar Mersing (No.Pinjaman 101A/1994/098), PAKR Jalan Md. Yassin (No.Pinjaman 101A/1994/099), PAKR Kg. Sg. Sagil (No.Pinjaman 101A/1994/100) dan PAKR Rengit (No.Pinjaman 101A/1992/056); dan
- Perbendaharaan Negeri telah menyelesaikan tunggakan bayaran balik pinjaman Projek Ladang Kelapa Sawit Tunjuk Laut (No.Pinjaman 101C/2015/023), Projek Perindustrian Tanjung Langsat (No.Pinjaman 101C/2015/024), Projek Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI) (No.Pinjaman 101c/2015/025) dan Skim Amanah Saham Johor Dan Dana Johor (ASJ & DJ) (No.Pinjaman 101C/2015/026).
- Kedudukan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.8**.

CARTA 4.8
PRESTASI BAYARAN BALIK PINJAMAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.8.3.4. Tuggakan Bayaran Balik Hutang Awam

- Analisis Audit mendapati kedudukan tuggakan bayaran balik hutang awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2015 menunjukkan penurunan setiap tahun sehingga tahun 2016. Bagaimanapun pada tahun 2017, Perbadanan Negeri telah mencatatkan semula tuggakan hutang awam bagi Projek Bekalan Air berjumlah RM334.51 juta yang dikeluarkan dalam tahun 2010 kerana permohonan Kerajaan Negeri bagi menukar pinjaman tersebut kepada geran masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.
- Kedudukan tuggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2017 seperti **Jadual 4.41**.

JADUAL 4.41
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG
AWAM KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	PINJAMAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
2.	Projek Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.00	334.51
3.	Projek Perbadanan Johor	69.74	69.74	4.67	0.00	0.00
4.	Pinjaman Lain	19.12	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		88.86	69.74	4.67	0.00	334.51

Sumber: Rekod Perbadanan Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.9. AKAUN BELUM TERIMA

4.9.1. Peraturan mengenai tunggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 5 Tahun 2014 telah menetapkan kewajipan mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil.

4.9.2. Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Perbendaharaan Negeri Johor, tunggakan hasil bagi 37 pemungut hasil adalah berjumlah RM365.07 juta pada akhir tahun 2017. Keseluruhan tunggakan hasil menunjukkan peningkatan sejumlah RM181.20 juta atau 98.6% berbanding tunggakan hasil tahun 2016 yang berjumlah RM183.87 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.42**.

JADUAL 4.42
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL
KERAJAAN NEGERI TAHUN 2017 BERBANDING 2016

BIL.	BUTIRAN HASIL	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	84.12	88.86	-4.74	-5.3
2.	Hasil Penswastaan	54.47	38.50	15.97	41.5
3.	Sewa dan Sewa Beli Rumah	39.97	37.39	2.58	6.9
4.	Cukai Air Mentah	27.92	17.17	10.75	62.6
5.	Hasil-Hasil Lain	158.59	1.95	156.64	8,032.8
JUMLAH		365.07	183.87	181.20	98.6

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.9.3. Daripada **Jadual 4.42**, Hasil - Hasil Lain telah mencatatkan tunggakan tertinggi (43.4%) pada tahun 2017 berjumlah RM158.59 juta iaitu meningkat sebanyak RM156.64 juta atau 8,032.8% berbanding tahun 2016. Ia merangkumi hasil penjualan saham RPSi Business Chronicles Sdn. Bhd. yang bernilai RM150.0 juta, sumbangan dari Perbadanan Johor berjumlah RM5.50 juta dan lain-lain hasil berjumlah RM3.09 juta.

4.9.4. Cukai Tanah mencatatkan tunggakan kedua tertinggi pada tahun 2017 iaitu sejumlah RM84.12 juta atau 23.0% daripada keseluruhan tunggakan hasil. Analisis Audit juga mendapati Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru mempunyai peningkatan tunggakan hasil Cukai Tanah tertinggi untuk tahun 2017 berjumlah RM48.94 juta

dengan kenaikan sebanyak RM0.67 juta atau 1.4%. Ini adalah disebabkan oleh pertambahan hak milik tanah. Manakala tunggakan cukai tanah kedua tertinggi adalah Pejabat Tanah Daerah Kulai/Kulaijaya dengan jumlah RM9.72 juta pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh beberapa hak milik yang mempunyai nilai cukai yang tinggi tidak menjelaskan cukai pada tahun 2017. Selain itu, penurunan tunggakan hasil paling tinggi adalah Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat yang berjumlah RM6.21 juta atau 35.8% disebabkan oleh tindakan pembatalan hak milik bagi Notis 8A (perampasan tanah) dengan menghubungi pemaju/pemilik tanah agar menjelaskan tunggakan cukai sebelum tindakan perampasan tanah dilakukan dan mewujudkan Taskforce Penyelesaian Tunggakan. Kedudukan tunggakan hasil cukai tanah bagi Pejabat Tanah Daerah pada tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti **Jadual 4.43**.

**JADUAL 4.43
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TANAH TAHUN 2017 BERBANDING 2016**


BIL.	PEJABAT TANAH DAERAH	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Johor Bahru	48.94	48.27	0.67	1.4
2.	Kulai/Kulaijaya	9.72	10.72	-1.00	-9.3
3.	Batu Pahat	6.21	9.68	-3.47	-35.8
4.	Kluang	4.93	6.02	-1.09	-18.1
5.	Kota Tinggi	3.61	3.70	-0.08	-2.7
6.	Pontian	2.35	2.66	-0.31	-11.6
7.	Muar	2.37	2.57	-0.20	-7.8
8.	Tangkak/Ledang	1.76	1.81	-0.05	-2.2
9.	Segamat	1.97	1.66	0.31	18.7
10.	Mersing	0.74	0.60	0.14	23.3
11.	Pengerang	1.02	0.57	0.45	78.9
12.	Labis	0.16	0.39	-0.23	-59.0
13.	Rengit	0.34	0.21	0.13	61.9
JUMLAH		84.12	88.86	-4.74	-5.3

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri Tahun 2016 dan 2017

4.9.5. Tunggakan Hasil Penswastaan mencatatkan peningkatan berjumlah RM15.97 juta atau 41.5% disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang berkaitan, kelewatan syarikat membuat pembayaran semasa perjanjian ditandatangani dan permohonan pindaan pelan susun atur yang dilakukan menyebabkan perubahan nilai pulangan.

4.9.6. Analisis trend tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bagi tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Carta 4.9**.

CARTA 4.9
TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri Bagi Tahun 2013 Hingga 2017

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada akhir tahun 2017 adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan tahun 2017 berjumlah RM2,424.68 juta, menurun sejumlah RM239.16 juta atau 9.0% berbanding RM2,663.84 juta pada tahun 2016. Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berjumlah RM1,556.69 juta telah menurun sebanyak RM105.53 juta atau 6.3% berbanding RM1,662.22 juta pada tahun 2016. Kutipan hasil telah mencapai 96.7% berbanding anggaran yang diluluskan tahun 2017 sebanyak RM1,609.00 juta. Penurunan hasil disebabkan kutipan bagi Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil menurun antara 1.3% hingga 38.8% pada tahun 2017. Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2017 berjumlah RM1,551.42 juta iaitu pencapaian 92.6% dari peruntukan yang diluluskan sebanyak RM1,674.60 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap berkurang RM74.99 juta pada tahun 2017 kepada RM1,445.21 juta. Pada akhir tahun 2017, bayaran balik hutang awam oleh Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM12.61 juta atau 43.1% berbanding RM29.23 juta pada tahun 2016. Bayaran balik hutang awam Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah dibayar sepenuhnya mengikut jadual pada tahun 2017.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu memperkuatkannya lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan dapat dipertingkatkan dengan mencari sumber hasil baru atau mengurangkan tunggakan hasil bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang semakin meningkat.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RJ5T

5.1. Seiring dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 di peringkat persekutuan, kaedah pelaksanaan Peruntukan Pembangunan Negeri Johor telah distruktur semula dengan beberapa penambahbaikan. Penstruktur semula ini melalui Rancangan Johor Lima (5) Tahun (RJ5T) iaitu bermula pada tahun 2016 hingga 2020 yang merupakan fasa terakhir bagi Negeri Johor untuk mencapai aspirasi sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Di antara penambahbaikan yang dilakukan ialah penstruktur pegawai pengawal daripada 13 agensi kepada enam (6) agensi dan pengwujudan kod kawalan berdasarkan kluster utama yang direncanakan melalui pelbagai dokumen strategik di peringkat Negeri Johor dan Nasional. Perkara ini dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan dapat dijalankan dengan efisien, fleksibel dalam bersedia menghadapi ketidaktentuan dan memastikan peruntukan disalurkan kepada projek yang memberi impak dan merit yang besar kepada pembangunan sosioekonomi.

5.1.1. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RJ5T Tahun 2016 Hingga 2020

Bagi menjayakan RJ5T, siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM3,550.00 juta untuk diagihkan kepada enam (6) Jabatan Negeri bagi pelaksanaan projek yang dirancang. Tiga (3) daripada enam (6) Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar berjumlah RM850.00 juta atau 23.9%, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) berjumlah RM800.00 juta atau 22.5% dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM700.00 juta atau 19.7%. Pembahagian peruntukan perbelanjaan pembangunan RJ5T adalah seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PERUNTUKAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN RJ5T BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar	850.00
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	800.00
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	700.00
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	650.00
5.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	300.00
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	250.00
JUMLAH		3,550.00

Sumber: Anggaran Belanjawan RJ5T

5.1.2. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2017

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM793.29 juta bagi tujuan pembangunan dan sejumlah RM710.51 juta telah dibelanjakan. Analisis Audit menunjukkan tiga (3) jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 90% daripada peruntukan yang diluluskan manakala tiga (3) jabatan lain membelanjakan antara 77.4% hingga 89.1%. Prestasi perbelanjaan pembangunan tahun 2017 adalah seperti **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
STATUS PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RJ5T BAGI TAHUN 2017

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar	209.00	205.76	98.4
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	136.86	116.79	85.3
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	188.00	172.17	91.6
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	150.69	116.64	77.4
5.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	74.81	66.66	89.1
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor	33.93	32.49	95.7
Jumlah		793.29	710.51	89.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.1.3. Status Pelaksanaan Projek Tahun 2017

Pada tahun 2017, sebanyak 4,389 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,040 projek atau 92.0% telah siap dilaksanakan, manakala 213 projek atau 4.9% sedang dilaksanakan. Sebanyak 136 projek atau 3.1% lagi masih belum dimulakan atau ditangguhkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) mencatatkan bilangan projek belum mula yang paling tinggi iaitu sebanyak 58 projek, diikuti oleh Jabatan Kerja Raya dengan 43 projek, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) sebanyak 29 projek, Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran masing-masing sebanyak tiga (3) projek. Antara projek yang belum mula oleh **Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)** ialah program Pembangunan Ekonomi dan Inklusif, Perhutanan, Taman Negara dan Pengurusan Sumber Air, Pertanian dan Industri Asas Tani dan Pelancongan. **Jabatan Kerja Raya Negeri Johor** melibatkan projek Pembinaan dan Menaiktaraf Bangunan-bangunan Kerajaan, Menaiktaraf Sistem Elektrikal di Bangunan-bangunan Kerajaan dan Projek Jalan dan Jambatan Negeri. **Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)** melibatkan Baik Pulih dan Naiktaraf Kuarters Kerajaan dan Bangunan-Bangunan Negeri dan Projek bagi Kerja-kerja Kecil dan Projek bagi Kenderaan Penguatkuasaan. **Jabatan Agama Islam Negeri Johor** melibatkan projek Kelengkapan Masjid-masjid Kerajaan, manakala **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** melibatkan projek Rancangan Saliran Bandar, Rancangan Pengurusan Lembangan Sungai dan Kawalan Hakisan Pantai. Antara sebab projek tersebut belum dimulakan/ditangguhkan/batal ialah pindaan terma dan


pelan cadangan, pelan kajian tidak mendapat kelulusan, pindah peruntukan, kontraktor dan perunding belum dilantik, belum mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri, tukar tajuk projek dan kelewatan permohonan untuk memulakan projek. Status pelaksanaan projek RJ5T bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

JADUAL 5.3
STATUS PELAKSANAAN PROJEK RJ5T BAGI TAHUN 2017

BIL.	JABATAN	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	PROJEK SIAP	PROJEK SEDANG DILAKUKAN	PROJEK BELUM MULA/TANGGUH/BATAL
1.	Pejabat Menteri Besar	3,238	3,079	159	0
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	433	359	16	58
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)	235	189	17	29
4.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	201	198	0	3
5.	Jabatan Kerja Raya	187	127	17	43
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	95	88	4	3
JUMLAH		4,389	4,040	213	136

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

CARTA 5.1
STATUS PELAKSANAAN PROJEK RJ5T 2017



Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

5.1.4. Lima (5) projek terbesar berjumlah RM24.09 juta yang belum dimulakan sehingga akhir tahun 2017 adalah seperti **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
PROJEK BELUM MULA SEHINGGA AKHIR TAHUN 2017

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Cadangan Kerja-kerja Membina Monumen Kemahkotaan di Daerah Tangkak, Johor	6.17	Belum mendapat kelulusan dan perkenan
2.	Cadangan Projek Pembangunan Semula Sistem Hasil Tanah Johor	5.42	Bayaran tidak mencukupi
3.	Cadangan Menaiktaraf Jalan Parit Ibrahim dan Jalan Parit Jawa, Pontian	5.00	Kelewatan proses penyediaan pelan pengambilan balik tanah
4.	Cadangan Pembangunan Pengurusan Penyelenggaraan Infrastruktur Sukan Negeri Johor	4.00	Pindaan bayaran peruntukan kerja lain
5.	Cadangan Penubuhan Pusat Konsevasi Artifak Warisan Diraja, Galeri Seni Visual Diraja, Galeri DYMM Sultan Ibrahim dan Galeri Kembara Mahkota Johor Di Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, Johor	3.50	Belum mendapat kelulusan dan perkenan
JUMLAH		24.09	

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat Negeri

5.2. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan RJ5T bagi tahun 2017 adalah baik di mana sejumlah RM710.51 juta atau 89.6% daripada RM793.29 juta yang diperuntukkan kepada enam (6) Jabatan telah dibelanjakan. Prestasi projek secara fizikal pula adalah sangat baik iaitu daripada 4,389 projek yang dirancang, sebanyak 4,040 projek atau 92.0% telah siap dilaksanakan sehingga tahun 2017. Namun masih terdapat 213 projek atau 4.9% projek sedang dilaksanakan dan 136 projek belum mula atau 3.1%. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Johor.



BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

6.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

6.1.1. Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2017, terdapat 13 BBN, 16 PBT dan satu (1) MAI di Negeri Johor tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan bagi 11 BBN dan 14 PBT diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

6.1.2. Bagi penyata kewangan yang diaudit oleh firma audit swasta, Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan bagi memastikan ia selaras dengan arahan yang ditetapkan. Sebelum pengauditan dilaksanakan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan.

6.1.3. Lawatan ke pejabat agensi semasa pengauditan dilaksanakan oleh firma audit swasta juga dilakukan bagi memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, pihak firma audit swasta boleh berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit

semasa pengauditan dilaksanakan yang membolehkan isu kurang ketara diselesaikan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan audit berserta fail kerja, laporan terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara ketara dibangkitkan dan bukti audit adalah mencukupi serta memuaskan. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta akan dinilai dan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017

6.2.1. Penyata kewangan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan. Bagaimanapun bagi mempercepatkan penyerahan penyata kewangan, Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua Agensi mengemukakan penyata tahunan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sehingga 31 Mac 2018, hanya dua (2) BBN telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Manakala tujuh (7) BBN mengemukakan penyata kewangan selepas 31 Mac 2018. Sehingga 30 September 2018, empat (4) BBN iaitu Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor, Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor, Yayasan Warisan Negeri dan Majlis Sukan Negeri Johor serta MAI masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit.

6.2.2. PBT Negeri Johor melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan telah memohon lanjutan masa penyerahan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 kepada Jabatan Audit Negara. Permohonan lanjutan masa penyerahan penyata kewangan kepada 30 April 2018 oleh PBT Johor telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada 8 Mac 2018. Sehingga 30 April 2018, sebanyak 10 penyata kewangan PBT telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Lima (5) penyata kewangan PBT diterima selepas 30 April dan sehingga 30 September 2018, satu (1) PBT iaitu Majlis Daerah Kota Tinggi masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 untuk diaudit. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT adalah seperti **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI TAHUN 2017 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Johor	04.03.2018
2.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	29.03.2018
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	09.04.2018
4.	Perbadanan Islam Johor	03.05.2018
5.	Taman Ibrahim Muar	03.05.2018
6.	Yayasan Pelajaran Johor	05.06.2018
7.	Perbadanan Taman Negara Johor	01.07.2018
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	04.09.2018
9.	Perbadanan Stadium Johor	12.09.2018
10.	Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor	Belum Terima
11.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	Belum Terima
12.	Yayasan Warisan Negeri	Belum Terima
13.	Majlis Sukan Negeri Johor	Belum Terima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Belum Terima
PIHK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang *	26.04.2018
2.	Majlis Daerah Pontian	26.04.2018
3.	Majlis Daerah Yong Peng	30.04.2018
4.	Majlis Perbandaran Kluang	30.04.2018
5.	Majlis Daerah Tangkak	30.04.2018
6.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	30.04.2018
7.	Majlis Perbandaran Kulai	30.04.2018
8.	Majlis Daerah Simpang Renggam	30.04.2018
9.	Majlis Perbandaran Muar	30.04.2018
10.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	30.04.2018
11.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	15.05.2018
12.	Majlis Perbandaran Segamat	16.05.2018
13.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	28.05.2018
14.	Majlis Daerah Labis	31.05.2018
15.	Majlis Daerah Mersing	31.05.2018
16.	Majlis Daerah Kota Tinggi	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota *: Baru diwujudkan pada tahun 2017

6.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN 2016

6.3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang

dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan adalah LKAN Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan atau Penafian Pendapat. LKAN Tanpa Teguran juga dikeluarkan dalam *Emphasis Of Matters (EOM)* sekiranya terdapat perkara penting yang perlu diberi penekanan kepada pengurusan.

6.3.2. Sehingga 30 September 2018, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 28 penyata kewangan tahun 2016 iaitu 12 penyata kewangan BBN, satu (1) MAI dan 15 penyata kewangan PBT manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Johor belum disahkan kerana menunggu pengesahan penyata kewangan tahun 2009 hingga 2015. Sebanyak 26 penyata kewangan agensi negeri telah diberi LKAN Tanpa Teguran dan dua (2) agensi dengan LKAN Berteguran.

6.3.3. LKAN Berteguran telah dikeluarkan kepada Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor dan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT). Maklumat LKAN Berteguran adalah seperti berikut:

6.3.3.1. LKAN Berteguran dikeluarkan kepada Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor kerana ekuiti syarikat-syarikat bersekutu tidak diambil kira disebabkan oleh ketiadaan penyata kewangan beraudit bagi syarikat tersebut. Keadaan tersebut adalah tidak mematuhi MPERS Seksyen 14, Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu. Selain itu, terdapat pelarasan dengan jumlah bersih RM1.29 juta dikelaskan sebagai akaun tergantung yang merupakan perbezaan bagi jumlah terhutang oleh anak syarikat yang tidak dapat dikenal pasti.

6.3.3.2. Penyata Kewangan MDKT diberi LKAN Berteguran kerana tiada senarai terperinci bagi menyokong penghutang berjumlah RM864,443. Selain itu, rosot nilai ke atas Kerja Dalam Pelaksanaan tidak dikenakan terhadap lif dan generator berjumlah RM740,663 yang telah terbengkalai. Nilai kos aset tersebut tidak dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang dikemukakan.

6.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Johor (DNJ). Pada keseluruhannya, pembentangan penyata kewangan agensi yang telah disahkan di DNJ adalah baik di mana sehingga 30 September 2018, sebanyak 21 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2016 telah dibentangkan di DNJ, manakala enam (6) penyata kewangan agensi negeri iaitu Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor, Perbadanan Stadium Johor, Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor, Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor, Yayasan Warisan Negeri Johor dan Majlis Daerah Kota Tinggi belum

dibentangkan di DNJ. Penyata Kewangan Taman Ibrahim Muar tidak perlu dibentangkan di DNJ.

6.5. PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI BAGI TAHUN 2017

Analisis prestasi kewangan BBN yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi adalah berdasarkan kepada sembilan (9) daripada 13 BBN yang telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 sehingga 30 September 2018. Analisis prestasi kewangan adalah dilaporkan seperti berikut:

6.5.1. Prestasi Kewangan

6.5.1.1. Analisis prestasi kewangan sembilan (9) BBN adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2017 yang dikemukakan. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2017 adalah memuaskan berbanding tahun 2016. Pada akhir tahun 2017, lebihan pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM100.47 juta atau 4.5% dan lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM102.61 juta atau 3.5%. Lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menunjukkan penurunan sejumlah RM8.11 juta atau 6.7% berbanding tahun 2016 terutamanya disebabkan oleh perubahan nilai saksama harta tanah pelaburan milik Perbadanan Johor. Prestasi aset semasa bersih juga menurun sebanyak 17.3% atau RM47.07 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.2**.

**JADUAL 6.2
PRESTASI KEWANGAN BBN TAHUN 2017 DAN 2016**

BIL.	BBN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	2,316.98	2,216.51	100.47	4.5
2.	Lebihan Aset	2,990.73	2,888.12	102.61	3.5
3.	Aset Semasa Bersih	224.70	271.77	-47.07	-17.3
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	111.39	119.50	-8.11	-6.7

Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 mendapati lima (5) daripada sembilan (9) BBN telah mencatatkan surplus pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.11 juta hingga RM113.00 juta. Perbadanan Johor mencatatkan lebihan pendapatan paling tinggi iaitu RM113.00 juta yang disumbangkan oleh pelbagai hasil terutamanya pendapatan dividen. Empat (4) BBN mencatatkan pengurangan pendapatan bagi tahun 2017 iaitu antara RM0.11 juta hingga RM2.43 juta yang disebabkan penurunan jumlah hasil serta peningkatan perbelanjaan pentadbiran dan operasi.

6.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2017 mendapatitujuh (7) daripada sembilan (9) BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM1.00 juta hingga RM191.00 juta. Perbadanan Johor mencatatkan aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM191.00 juta di mana aset semasa berjumlah RM1.26 bilion berbanding liabiliti semasa berjumlah RM1.07 bilion. Antara aset semasa yang besar dimiliki oleh Perbadanan Johor ialah Kos Pembangunan Hartanah berjumlah RM690.00 juta dan Penghutang Perdagangan dan Lain-Lain sebanyak RM143.00 juta. Sementara itu, dua (2) BBN mengalami liabiliti semasa bersih iaitu Taman Ibrahim Muar dan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor masing-masing berjumlah RM0.76 juta dan RM3.81 juta. Prestasi kewangan sembilan (9) BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Jadual 6.3**.

**JADUAL 6.3
PRESTASI KEWANGAN BBN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

BIL.	BBN	PENYATA PENDAPATAN			LEMBARAN IMBANGAN		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	SURPLUS/ DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Johor	422.00	309.00	113.00	1,257.00	1,066.00	191.00
2.	Perbadanan Islam Johor	7.68	7.43	0.25	15.92	3.01	12.91
3.	Yayasan Pelajaran Johor	14.50	16.93	-2.43	35.58	22.72	12.86
4.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	3.24	3.35	-0.11	12.56	3.59	8.97
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga	9.72	9.85	-0.13	2.03	0.71	1.32
6.	Perbadanan Stadium Johor	3.09	2.85	0.24	1.41	0.20	1.21
7.	Perbadanan Taman Negara	12.23	10.93	1.30	1.04	0.04	1.00
8.	Taman Ibrahim Muar	0.05	0.89	-0.84	0.05	0.81	-0.76
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	8.93	8.82	0.11	2.06	5.87	-3.81
Jumlah		481.44	370.05	111.39	1,327.65	1,102.95	224.70

Sumber: Penyata Kewangan BBN


6.5.2. Analisis Pendapatan

6.5.2.1. Pada akhir tahun 2017, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh sembilan (9) BBN ialah sejumlah RM447.57 juta berbanding dengan RM622.68 juta pada tahun 2016. Analisis Audit mendapatit penurunan sejumlah RM175.11 juta atau 28.1% terutamanya adalah disebabkan penurunan jumlah pendapatan janaan sendiri oleh Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor iaitu sebanyak 35.7% atau RM1.80 juta serta Perbadanan Johor iaitu sebanyak RM172.00 juta atau 29.1% berbanding tahun 2016. Selain Tabung

Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor dan Perbadanan Johor, enam (6) BBN yang lain turut mencatatkan penurunan pendapatan janaan sendiri iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Johor berjumlah RM0.01 juta atau 13.4%, Perbadanan Taman Negara Johor sebanyak 13.3% atau RM0.38 juta, Perbadanan Islam Johor berjumlah RM0.85 juta atau 10.0%, Perbadanan Stadium Johor sebanyak 8.6% atau RM0.04 juta, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim berjumlah RM0.01 juta atau 5.5% dan Yayasan Pelajaran Johor sebanyak 0.2% atau RM0.03 juta.

6.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, enam (6) daripada sembilan (9) BBN juga menerima geran daripada Kerajaan berjumlah RM33.86 juta pada tahun 2017 berbanding RM83.98 juta pada tahun 2016 dan RM33.49 juta pada tahun 2015. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu pelaksanaan program dan aktiviti serta projek pembangunan BBN. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2012 hingga 2017 adalah seperti **Carta 6.1**.

CARTA 6.1
TREND JUMLAH PENDAPATAN JANAAN SENDIRI DAN GERAN
YANG DITERIMA DARIPADA KERAJAAN UNTUK BBN TAHUN 2012 HINGGA 2017



Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.5.3. Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan

Secara keseluruhannya, lebihan pendapatan berjumlah RM111.39 juta telah dicatatkan pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM8.11 juta atau 6.7% berbanding lebihan pendapatan berjumlah RM119.50 juta pada tahun 2016. Sebanyak tiga (3) daripada sembilan (9) BBN telah menunjukkan peningkatan

lebihan pendapatan (keuntungan) antara 22.2% hingga 278.1% berbanding tahun 2016, manakala enam (6) BBN menunjukkan penurunan antara 5.8% hingga 145.9%. Jumlah lebihan/kurangan pendapatan BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
JUMLAH LEBIHAN/KURANGAN PENDAPATAN BBN TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BBN	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Taman Negara	1.30	-0.73	2.03	278.1
2.	Perbadanan Islam Johor	0.25	-1.51	1.76	116.6
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	0.11	0.09	0.02	22.2
4.	Perbadanan Johor	113.00	120.00	-7.00	-5.8
5.	Yayasan Pelajaran Johor	-2.43	-1.96	-0.47	-24.0
6.	Perbadanan Stadium Johor	0.24	0.51	-0.27	-52.9
7.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	-0.11	0.76	-0.87	-114.5
8.	Yayasan Pembangunan Keluarga	-0.13	0.51	-0.64	-125.5
9.	Taman Ibrahim Muar	-0.84	1.83	-2.67	-145.9
Jumlah		111.39	119.5	-8.11	-6.7

Sumber: Penyata Kewangan BBN


6.5.4. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2017, sembilan (9) BBN mempunyai aset berjumlah RM7.64 bilion berbanding RM7.76 bilion pada tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM0.12 bilion atau 1.5%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2017 ialah RM1.33 bilion berbanding RM1.63 bilion pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset semasa bersih telah menurun iaitu daripada RM271.77 juta pada tahun 2016 kepada RM224.70 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM47.07 juta atau 17.3%. Penurunan nilai aset semasa bersih sebahagian besarnya disumbangkan oleh Perbadanan Johor dengan jumlah penurunan sebanyak RM38.00 juta atau 16.6% serta Yayasan Pelajaran Johor dengan jumlah penurunan sebanyak RM9.39 juta atau 42.2%. Penurunan nilai aset semasa bersih Perbadanan Johor antaranya adalah berpunca dari penurunan jumlah Prabayar dan Penghutang Perdagangan dan Lain-Lain yang merupakan komponen aset semasa.

6.5.5. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2017, jumlah pelaburan bersih bagi tiga (3) BBN iaitu Perbadanan Johor, Perbadanan Islam Johor dan Yayasan Pelajaran Johor ialah RM6.41 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, hartanah dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sedikit sebanyak RM0.32 bilion atau 5.3% berbanding RM6.09 bilion pada tahun 2016. Jenis pelaburan adalah seperti **Carta 6.2**.

CARTA 6.2
JENIS PELABURAN BBN TAHUN 2017



Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.5.6. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2017, jumlah liabiliti semasa dan bukan semasa bagi sembilan (9) BBN ialah RM4.65 bilion berbanding RM4.88 bilion pada tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM0.23 bilion atau 4.6%. Analisis Audit mendapati empat (4) daripada sembilan (9) BBN menunjukkan peratus penurunan jumlah liabiliti antara 0.3% hingga 47.4% dengan jumlah penurunan antara RM0.01 juta hingga RM228.00 juta. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2017 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.5**.

JADUAL 6.5
JUMLAH LIABILITI BBN TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	BBN	2017	2016	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	0.71	0.01	0.70	7,000.0
2.	Perbadanan Taman Negara Johor	0.04	0.02	0.02	100.0
3.	Taman Ibrahim Muar	0.81	0.54	0.27	50.0
4.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	3.59	2.72	0.87	32.0
5.	Yayasan Pelajaran Johor	22.72	22.31	0.41	1.8
6.	Perbadanan Islam Johor	3.97	3.98	-0.01	-0.3
7.	Perbadanan Johor	4,611.00	4,839.00	-228.00	-4.7
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	5.87	6.62	-0.75	-11.3
9.	Perbadanan Stadium Johor	0.20	0.38	-0.18	-47.4
Jumlah		4,648.91	4,875.58	-226.67	-4.6

Sumber: Penyata Kewangan BBN Bagi Tahun 2016 dan 2017

6.5.7. Analisis Nisbah

Nisbah Hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Nisbah Kecairan pula mengukur kemampuan aset semasa untuk menampung liabiliti semasanya berdasarkan Nisbah Semasa, Nisbah Cepat dan Nisbah Modal Kerja. Analisis Nisbah Hutang menunjukkan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor dan Perbadanan Johor membiayai lebih daripada 50% jumlah asetnya menggunakan hutang iaitu masing-masing sebanyak 72.7% dan 64.7%. Selain Perbadanan Perpustakaan Awam Johor dan Perbadanan Johor, Taman Ibrahim Muar dan Yayasan Pelajaran Johor juga menunjukkan Nisbah Kecairan kurang daripada dua (2) yang menggambarkan BBN berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.6**.

**JADUAL 6.6
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN BBN TAHUN 2017**

BIL.	BBN	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA	ALIRAN TUNAI BERSIH	NISBAH HUTANG
				(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	0.35	0.35	-3.80	0.23	72.7
2.	Perbadanan Johor	1.18	1.16	191.00	-47.00	64.7
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	2.85	2.81	1.32	0.63	31.9
4.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	3.50	3.50	8.97	0.76	28.5
5.	Taman Ibrahim Muar	0.07	0.07	-0.76	0.00	26.5
6.	Perbadanan Stadium Johor	7.07	7.07	1.21	0.14	6.8
7.	Yayasan Pelajaran Johor	1.57	1.57	12.86	-10.81	6.1
8.	Perbadanan Islam Johor	5.30	5.30	12.92	-1.22	3.6
9.	Perbadanan Taman Negara Johor	29.23	29.23	1.01	0.94	1.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.5.8. Prestasi Anak Syarikat

6.5.8.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak tiga (3) daripada tujuh (7) BBN mempunyai pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu berjumlah RM4.84 bilion dalam 45 syarikat. Perbadanan Johor (JCorp) mencatatkan pelaburan paling tinggi iaitu sejumlah RM4.69 bilion dalam 41 syarikat, diikuti oleh Yayasan Pelajaran Johor yang melabur sejumlah RM81.00 juta dalam dua (2) syarikat dan Perbadanan Islam Johor (PIJ) yang melabur sejumlah RM73.25 juta dalam dua (2) syarikat. Sehingga akhir tahun 2017, hanya Perbadanan Johor yang membuat pelaburan dalam satu (1) syarikat bersekutu berjumlah RM4.00 juta. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh tiga (3) BBN adalah seperti **Jadual 6.7**.

JADUAL 6.7
ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM
ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU

PERKARA	PERBADANAN JOHOR	YAYASAN PELAJARAN JOHOR	PERBADANAN ISLAM JOHOR	JUMLAH
Anak Syarikat (100%)	29	2	2	33
Anak Syarikat (> 50%)	7	0	0	7
Syarikat Bersekutu (<50%)	1	0	0	1
Lain-lain Anak Syarikat	4	0	0	4
JUMLAH SYARIKAT	41	2	2	45
PELABURAN (RM Juta)	4,689.00	81.00	73.25	4,843.25

Sumber: Penyata Kewangan Perbadanan Johor

6.5.8.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati tiga (3) BBN telah melabur dalam 44 anak syarikat di mana 37 anak syarikat berstatus aktif dan tujuh (7) berstatus dorman. Daripada tiga (3) BBN, Perbadanan Johor mempunyai bilangan anak syarikat paling banyak iaitu 40 anak syarikat di mana sebanyak tujuh (7) anak syarikat atau 17.5% berstatus dorman. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti **Jadual 6.8**.

JADUAL 6.8
BILANGAN ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN TAHUN 2017

BIL.	BBN	BILANGAN ANAK SYARIKAT		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH
1.	Perbadanan Johor	33	7	40
2.	Perbadanan Islam Johor	2	0	2
3.	Yayasan Pelajaran Johor	2	0	2
	JUMLAH	37	7	44

Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.5.8.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat

Pada 31 Disember 2017, sebanyak 23 anak syarikat milik tiga (3) BBN telah mendapat keuntungan terkumpul berjumlah RM6.60 bilion. Analisis Audit juga mendapati 21 anak syarikat milik dua (2) BBN mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM1.20 bilion. Bagaimanapun, anak syarikat bagi tiga (3) BBN mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM5.40 bilion pada tahun 2017. Antara anak syarikat yang mencatat keuntungan terkumpul paling tinggi ialah Kulim (Malaysia) Berhad sejumlah RM2.02 bilion dan Business Chronicles Sdn. Bhd. sejumlah RM1.49 bilion. Kedua-dua syarikat tersebut adalah milik Perbadanan Johor. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2017 adalah seperti **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN
TERKUMPUL ANAK SYARIKAT BBN TAHUN KEWANGAN 2017

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/KERUGIAN BERSIH (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	BIL. SYARIKAT	(RM Juta)	
1.	Perbadanan Johor	20	6,285.26	20	1,172.20	5,113.06
2.	Perbadanan Islam Johor	2	141.77	0	0.00	141.77
3.	Yayasan Pelajaran Johor	1	175.37	1	26.56	148.81
	JUMLAH	23	6,602.40	21	1,198.76	5,403.64

Sumber: Penyata Kewangan BBN

6.6. PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2017

Analisis prestasi kewangan PBT yang merangkumi prestasi secara menyeluruh adalah berdasarkan kepada 15 daripada 16 PBT yang telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2017 sehingga 30 September 2018. Analisis prestasi kewangan adalah dilaporkan seperti berikut:

6.6.1. Prestasi Kewangan

6.6.1.1. Berdasarkan kepada penyata kewangan yang dikemukakan, analisis Audit mendapati pada umumnya prestasi kewangan PBT tahun 2017 adalah baik kerana 13 daripada 15 PBT mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan mendapat surplus, manakala dua (2) PBT lagi mencatatkan defisit. Selain itu, 13 PBT mencatatkan aset semasa melebihi liabiliti semasa manakala dua (2) PBT iaitu Majlis Perbandaran Segamat dan Pihak Berkusa Tempatan Pengerang mencatatkan liabiliti bersih masing-masing berjumlah RM6.24 juta dan RM7.07 juta. Prestasi kewangan PBT bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 6.10**.

JADUAL 6.10
PRESTASI KEWANGAN PBT TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

BIL.	PBT	PENYATA PENDAPATAN			LEMBARAN IMBANGAN		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	SURPLUS/ DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	362.33	306.72	55.61	514.10	342.44	171.66
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	218.21	141.90	76.31	648.74	315.58	333.16
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	171.19	133.34	37.85	166.10	80.05	86.05
4.	Majlis Perbandaran Kulai	82.08	73.50	8.58	132.43	80.81	51.62
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	61.99	58.92	3.07	88.74	65.41	23.33
6.	Majlis Perbandaran Muar	53.64	48.54	5.10	63.25	62.89	0.36
7.	Majlis Perbandaran Kluang	52.70	46.84	5.86	54.32	30.16	24.16
8.	Majlis Perbandaran Segamat	33.43	33.80	-0.37	13.71	19.95	-6.24
9.	Pihak Berkusa Tempatan Pengerang	35.73	39.06	-3.33	30.30	37.37	-7.07
10.	Majlis Daerah Pontian	39.53	28.43	11.10	55.96	20.64	35.32

BIL.	PBT	PENYATA PENDAPATAN			LEMBARAN IMBANGAN		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	SURPLUS/ DEFISIT (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
11.	Majlis Daerah Tangkak	24.13	23.84	0.29	25.68	18.77	6.91
12.	Majlis Daerah Yong Peng	19.29	18.78	0.51	29.00	17.25	11.75
13.	Majlis Daerah Simpang Renggam	12.31	10.94	1.37	16.83	5.03	11.80
14.	Majlis Daerah Labis	11.14	11.00	0.14	7.11	3.61	3.50
15.	Majlis Daerah Mersing	11.06	10.07	0.99	13.13	4.56	8.57
JUMLAH		1,188.76	985.68	203.08	1,859.40	1,104.52	754.88

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.6.2. Aset Semasa Bersih

6.6.2.1. Pada tahun 2017, 13 PBT mempunyai aset semasa melebihi liabiti semasa. Keseluruhan aset semasa bersih PBT berjumlah RM754.88 juta, meningkat sejumrah RM106.76 juta atau 16.5% berbanding tahun 2016 berjumlah RM648.12 juta. Sebanyak 12 PBT mencatatkan peningkatan aset semasa bersih manakala dua (2) PBT mencatatkan penurunan. PBT yang mencatatkan peningkatan tertinggi ialah Majlis Bandaraya Iskandar Puteri berjumlah RM73.86 juta atau 28.5% sementara dua (2) PBT yang mencatatkan penurunan adalah Majlis Perbandaran Segamat dan Majlis Daerah Tangkak dengan RM3.43 juta atau 122.1% dan RM2.45 juta atau 26.2%. Kedudukan aset bersih semasa PBT Johor adalah seperti **Jadual 6.11**.

JADUAL 6.11
ASET SEMASA BERSIH PBT NEGERI JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 DAN 2016

BIL.	PBT	2017			2016			PERUBAHAN	
		ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	514.10	342.44	171.66	431.23	263.40	167.83	3.83	2.3
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	648.74	315.58	333.16	559.37	300.07	259.30	73.86	28.5
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	166.10	80.05	86.05	141.25	61.66	79.59	6.46	8.1
4.	Majlis Perbandaran Kulai	132.43	80.81	51.62	123.76	78.67	45.09	6.53	14.5
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	88.74	65.41	23.33	83.89	62.12	21.77	1.56	7.2
6.	Majlis Perbandaran Muar	63.25	62.89	0.36	57.96	65.02	-7.06	7.42	-105.1
7.	Majlis Perbandaran Kluang	54.32	30.16	24.16	45.21	22.91	22.3	1.86	8.3
8.	Majlis Perbandaran Segamat	13.71	19.95	-6.24	13.13	15.94	-2.81	-3.43	122.1
9.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	30.30	37.37	-7.07	-	-	-	-	-
10.	Majlis Daerah Pontian	55.96	20.64	35.32	40.44	17.65	22.79	12.53	55.0
11	Majlis Daerah Tangkak	25.68	18.77	6.91	22.50	13.14	9.36	-2.45	-26.2

BIL.	PBT	2017			2016			PERUBAHAN	
		ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
12	Majlis Daerah Yong Peng	29.00	17.25	11.75	23.78	12.48	11.30	0.45	4.0
13	Majlis Daerah Simpang Renggam	16.83	5.03	11.80	15.58	5.35	10.23	1.57	15.3
14	Majlis Daerah Labis	7.11	3.61	3.50	5.45	2.97	2.48	1.02	41.1
15	Majlis Daerah Mersing	13.13	4.56	8.57	9.56	3.61	5.95	2.62	44.0
JUMLAH		1,859.40	1,104.52	754.88	1,573.11	924.99	648.12	106.76	16.5

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.6.3. Tuggakan Hasil Cukai Taksiran

6.6.3.1. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT dan merupakan penyumbang utama kepada hasil PBT. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang dan lain-lain. Caruman bantuan kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik kerajaan. Sehingga akhir tahun 2017, sejumlah RM813.04 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT Negeri Johor. Hasil cukai taksiran ini bertambah sejumlah RM82.8 juta atau 11.3% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2016. Hasil cukai taksiran PBT bagi tempoh 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12
HASIL CUKAI TAKSIRAN PBT NEGERI JOHOR TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PBT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	249.18	236.69	12.49	5.3
2	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	167.63	153.46	14.17	9.2
3	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	107.27	104.99	2.28	2.2
4	Majlis Perbandaran Kulai	65.06	60.00	5.06	8.4
5	Majlis Perbandaran Batu Pahat	39.28	38.15	1.13	3.0
6	Majlis Perbandaran Muar	26.47	25.53	0.94	3.7
7	Majlis Perbandaran Kluang	35.84	34.48	1.36	3.9
8	Majlis Perbandaran Segamat	18.19	17.28	0.91	5.3
9	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	29.73	-	-	-
10	Majlis Daerah Pontian	26.80	23.96	2.84	11.9
11	Majlis Daerah Tangkak	16.27	12.26	4.01	32.7
12	Majlis Daerah Yong Peng	11.33	10.74	0.59	5.5
13	Majlis Daerah Simpang Renggam	7.11	5.68	1.43	25.2
14	Majlis Daerah Labis	8.54	3.92	4.62	117.9
15	Majlis Daerah Mersing	4.34	3.10	1.24	40.0
Jumlah		813.04	730.24	82.8	11.3

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.6.3.2. Secara keseluruhannya, tunggakan cukai taksiran telah meningkat daripada RM228.34 juta pada tahun 2016 menjadi RM270.87 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM42.53 juta atau 18.6%. Penyumbang utama peningkatan jumlah tunggakan cukai taksiran ialah Majlis Bandaraya Iskandar Puteri sebanyak RM17.02 juta atau 34.2%, Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebanyak RM7.46 juta atau 44.7% dan Majlis Bandaraya Johor Bahru sebanyak RM6.71 juta atau 8.9%. Tunggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT Negeri Johor adalah seperti **Jadual 6.13**.

JADUAL 6.13
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PBT NEGERI JOHOR TAHUN 2017 DAN 2016

BIL.	PBT	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	82.08	75.37	6.71	8.9
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	66.79	49.77	17.02	34.2
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	24.16	16.70	7.46	44.7
4.	Majlis Perbandaran Kulai	15.00	12.76	2.24	17.6
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	21.65	19.67	1.98	10.1
6.	Majlis Perbandaran Muar	11.76	11.96	-0.20	-1.7
7.	Majlis Perbandaran Kluang	17.78	15.85	1.93	12.2
8.	Majlis Perbandaran Segamat	3.37	3.98	-0.61	-15.3
9.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	2.03	-	-	-
10.	Majlis Daerah Pontian	2.59	2.73	-0.14	-5.1
11.	Majlis Daerah Tangkak	7.06	4.97	2.09	42.1
12.	Majlis Daerah Yong Peng	5.50	5.63	-0.13	-2.31
13.	Majlis Daerah Simpang Renggam	6.38	4.95	1.43	28.9
14.	Majlis Daerah Labis	2.73	2.13	0.60	28.2
15.	Majlis Daerah Mersing	1.99	1.87	0.12	6.4
Jumlah		270.87	228.34	42.53	18.6

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.6.3.3. Pada tahun 2017, sebanyak 10 PBT menunjukkan peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.12 juta hingga RM17.02 juta manakala empat (4) PBT iaitu Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Segamat, Majlis Daerah Pontian dan Majlis Daerah Yong Peng menunjukkan penurunan tunggakan cukai taksiran antara RM0.14 juta hingga RM0.61 juta. Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Peningkatan tunggakan cukai perlu diambil perhatian serius khususnya dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kewangan Majlis. Antara tindakan yang perlu diambil ialah mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

6.6.3.4. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2017, jumlah pendapatan bagi 15 PBT adalah RM1,188.76 juta, manakala jumlah tunggakan cukai taksiran adalah

RM270.87 juta. Ini menunjukkan jumlah tunggakan cukai taksiran adalah 22.8% daripada jumlah keseluruhan pendapatan bagi tahun 2016. Majlis Daerah Simpang Renggam merekodkan peratus tunggakan cukai taksiran tertinggi berbanding jumlah pendapatan iaitu sebanyak 51.8% kerana Majlis Daerah Simpang Renggam tidak membuat Peruntukan Hutang Ragu akibat daripada perbezaan data antara sistem yang digunakan dan data sedia ada. Peratus tunggakan berbanding pendapatan bagi PBT Negeri Johor pada tahun 2016 adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
PERATUS TUNGGAKAN BERBANDING
PENDAPATAN BAGI PBT NEGERI JOHOR TAHUN 2017

BIL.	PBT	TUNGGAKAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	82.08	362.33	22.7
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	66.79	218.21	30.6
3.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	24.16	171.19	14.1
4.	Majlis Perbandaran Kulai	15.00	82.08	18.3
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	21.65	61.99	34.9
6.	Majlis Perbandaran Muar	11.76	53.64	21.9
7.	Majlis Perbandaran Kluang	17.78	52.70	33.7
8.	Majlis Perbandaran Segamat	3.37	33.43	10.1
9.	Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang	2.03	35.73	5.7
10.	Majlis Daerah Pontian	2.59	39.53	6.6
11.	Majlis Daerah Tangkak	7.06	24.13	29.3
12.	Majlis Daerah Yong Peng	5.50	19.29	28.5
13.	Majlis Daerah Simpang Renggam	6.38	12.31	51.8
14.	Majlis Daerah Labis	2.73	11.14	24.5
15.	Majlis Daerah Mersing	1.99	11.06	18.0
Jumlah		270.87	1,188.76	22.8

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.6.1. Pada keseluruhannya, penyediaan penyata kewangan Agensi Negeri adalah baik kerana hampir kesemua penyata kewangan bagi tahun 2016 yang telah diserahkan untuk diaudit telah dapat disahkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2017 adalah memuaskan di mana 24 daripada 30 Agensi Negeri telah menyerahkan kepada Jabatan Audit Negara sehingga 30 September 2018. Prestasi kewangan semasa BBN dan PBT adalah memuaskan. Sebagai penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Negeri disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

6.6.1.1. Ketua Eksekutif/Pengarah BBN perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti agensi yang dapat menjana pendapatan. Agensi Negeri yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya

pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan operasi dan menanggung liabiliti semasa;

6.6.1.2. Lembaga Pengarah BBN hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman dan mengalami kerugian terkumpul agar anak syarikat berterusan berdaya maju dan dapat memberi pulangan;

6.6.1.3. PBT perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang; dan

6.6.1.4. mempercepatkan penyerahan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT. Sehingga 30 September 2018, empat (4) daripada 13 akaun BBN, satu (1) MAI dan satu (1) daripada 16 akaun PBT bagi tahun 2017 belum diterima oleh Jabatan Audit Negara.



BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN

KETUA AUDIT NEGARA DAN

MESYUARAT JAWATANKUASA

KIRA-KIRA RAYA NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Negeri Johor. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2016 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 23 November 2017. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2016 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 8 Mac 2018.

8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

Bagi tempoh bulan April 2017 hingga Julai 2018, Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak empat (4) kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2015. Jawatankuasa juga telah menjemput Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti **Jadual 8.1**.

**JADUAL 8.1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
RAYA NEGERI JOHOR APRIL 2017 HINGGA JULAI 2018**


BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015
3/2017	9.7.2017	Pengurusan Ubah dan Langgar Syarat Tanah <ul style="list-style-type: none">- Pejabat Tanah Daerah Johor Baru- Pejabat Tanah Daerah Segamat- Pejabat Tanah Daerah Pontian (POTP)	Jawatankuasa bersetuju Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru mengambil tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none">a. Ulasan dan pandangan daripada Pejabat Tanah Daerah mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum PBT meluluskan Kebenaran Merancang, Kerja Tanah dan Pelan Bangunan supaya tidak berlaku percanggahan penggunaan tanah dengan syarat tanah dalam tempoh yang panjang.b. Permit sementara yang dikeluarkan oleh PBT seharusnya mempunyai tempoh masa supaya tidak berlanjutan dan tiada pembaharuan dibenarkan.c. Membuat bancian terhadap maklumat tanah yang melanggar syarat nyata tanah.

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015
			<p>Jawatankuasa bersetuju Pejabat Tanah Daerah Segamat mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengemukakan laporan terperinci dan terkini terhadap 8 lawatan Audit yang telah melanggar syarat tanah. <p>Jawatankuasa bersetuju PTDP mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengemukakan laporan bertulis selepas tindakan penguatkuasaan bersama Pejabat Perkhidmatan Veterinar pada 16 Julai 2017 kepada Jawatankuasa. b. Membuat pemantauan pelanggaran syarat tanah daripada nanas kepada sawit. c. Memaklumkan kepada Majlis Daerah Pontian supaya merujuk dahulu ke PTDP sebelum mengeluarkan permit sementara supaya kelulusan tersebut tidak bertentangan dengan syarat nyata tanah. d. Melaporkan kepada Jawatankuasa akan kemajuan tindakan yang telah diambil dalam tempoh 2 bulan.
4/2017	30.7.2017	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Johor - Badan Kawal Selia Johor (BAKAJ)	<p>Jawatankuasa bersetuju BAKAJ mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. BAKAJ perlu memastikan kuantiti air mentah yang dibekalkan mencukupi dan kualiti air terkawal serta memastikan kedua-kedua perkara ini berjalan dengan konsisten. b. Mencadangkan BAKAJ membentangkan kepada Kerajaan Negeri mengenai keperluan membangunkan Sistem Maklumat – <i>Decision Support System</i> (DSS) bagi menyelia dan mengurus sumber air dan menghasilkan data berkaitan pengluahan sungai serta kadar air sungai agar Kerajaan memperuntukkan bajet pada tahun 2018.
1/2018	11.2.2018	Pengurusan Pelesenan Dan Penguatkuasaan Premis Perniagaan - Majlis Perbandaran Batu Pahat - Majlis Perbandaran Muar	<p>Jawatankuasa bersetuju Majlis Perbandaran Batu Pahat mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mengambil tindakan lebih tegas terhadap kutipan bayaran kompaun dan menambah anggota penguat kuasa bagi meningkatkan kutipan hasil. b. Mengambil tindakan terhadap anggota yang terlibat dengan kehilangan 10 unit buku Kewangan 8 yang telah hilang dalam simpanan Majlis dan direkodkan dalam Buku Perkhidmatan mereka. c. Mencadangkan agar dasar dan insentif diberikan kepada individu yang mematuhi peraturan seperti pembayaran lesen mengikut tempoh ditetapkan dan bukan pengurangan kadar kompaun dan denda. <p>Jawatankuasa bersetuju Majlis Perbandaran Muar mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Cadangan YDP Majlis untuk melaksanakan Kebenaran Rancang Terhad bagi lesen bersyarat dibawa ke peringkat negeri untuk kelulusan. b. Mengemukakan strategi konstruktif yang akan diambil bagi mengutip kompaun yang telah dikeluarkan.
		Pengurusan Perolehan - Majlis Daerah Tangkak - Majlis Daerah Yong Peng - Majlis Daerah Mersing	<p>Jawatankuasa bersetuju Majlis Daerah Tangkak mengambil tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Membuat spesifikasi kerja dan membuat siasatan tapak sebelum melantik kontraktor di dalam menentukan kos yang munasabah dan spesifikasi kerja tidak berubah. b. Memastikan Arahan Perubahan Kerja dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sebarang perubahan kerja dilakukan. c. Setiap kiosk yang dibina untuk peniaga

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015
			<p>d. diletakkan logo Majlis. e. Menawarkan kiosk kepada peniaga kecil yang berpotensi.</p> <p>Jawatankuasa bersetuju Majlis Daerah Mersing mengambil tindakan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Menambah pegawai yang menjaga dan memantau semua kerja perolehan kerana seorang pegawai tidak mampu menguruskan hal tersebut. <p>Mengambil tindakan tegas kepada anggota yang terlibat menyebabkan kerugian kepada Majlis.</p>
		Pengurusan Syarikat Kerajaan - Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ)	Jawatankuasa bersetuju KPRJ mengambil tindakan berikut: <ol style="list-style-type: none"> Mengenakan bayaran sewaan kepada penceroboh sekiranya tanah kepunyaan KPRJ belum lagi hendak dimajukan dalam tempoh terdekat dan penceroboh sama sekali tidak dibenarkan menceroboh kawasan baru. Sebuah syarikat yang ada <i>joint venture</i> dengan KPRJ perlu mempunyai <i>finance strategic</i> bagi memastikan program terlaksana.
2/2018	1.4.2018	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri - Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) - Pejabat Daerah Mersing (PDM) - Majlis Perbandaran Kluang	Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pihak Kementerian Kewangan telah memohon pengecualian dari Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) bagi isu LKAN 2015 PDM dan PDBP agar dikecualikan dari Mesyuarat Jawatankuasa PAC Negeri kerana mengambil kira bahawa perkara tersebut telah selesai dan tiada tindakan perlu diambil dan isu tersebut tidak lagi perlu dibentangkan dalam Jawatankuasa PAC Negeri.
		Pengurusan Perolehan - Majlis Perbandaran Kulai - Majlis Perbandaran Segamat	<p>Jawatankuasa bersetuju Majlis Perbandaran Kulai mengambil tindakan berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> Mengeluarkan surat peringatan kepada anggota yang gagal mematuhi Arahan Perbendaharaan dan salinan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri. Memberi notis peringatan kepada anggota yang terlibat dengan isu pembayaran yang dijelaskan sebelum perkhidmatan diterima supaya tidak berulang lagi pada masa akan datang. <p>Jawatankuasa bersetuju Majlis Perbandaran Segamat mengambil tindakan berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyediakan perincian perbelanjaan kos bernilai RM110,000.00 bagi Projek Membina Infrastruktur Pelancongan di Jeram Tinggi Jementah berserta bukti bergambar kepada Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri. Jurutera dan Penolong Jurutera hendaklah memainkan peranan penting dalam memantau setiap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.
		Pengurusan Perolehan - Majlis Daerah Yong Peng	Jawatankuasa bersetuju Majlis Daerah Yong Peng mengambil tindakan berikut: <ol style="list-style-type: none"> Serius terhadap isu perolehan yang telah dipecah kecil dan dibuat secara pembelian terus serta berharap isu ini tidak akan berulang pada masa akan datang. Mengambil tindakan tegas kepada anggota yang terlibat menyebabkan kerugian kepada Majlis. Mengeluarkan peringatan dan amaran bertulis kepada anggota yang terlibat dan direkodkan dalam buku perkhidmatan serta salinan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri. Mengeluarkan surat peringatan kepada Kontraktor-kontraktor kerana tidak membekalkan perolehan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan dan memaklumkan

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015
			<p>d. kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) mengenai prestasi kontraktor yang lemah serta salinan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri.</p> <p>Setiap pelaksanaan kerja dijadualkan sejurus kelulusan bajet diterima pada setiap awal tahun.</p> <p>e. Jurutera dan Penolong Jurutera didekah dengan latihan dan kursus yang berkaitan bagi peningkatan kemahiran diri.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Johor



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Agensi Negeri pada tahun 2017 adalah **bertambah baik**. Dari segi prestasi kewangan secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 adalah **stabil**. Bagi prestasi pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 atau Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T) oleh Kerajaan Negeri untuk tahun 2017, pencapaiannya adalah **sangat baik**. Prestasi kewangan Agensi Negeri adalah **memuaskan**. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri disyorkan mengambil langkah berikut:

- a. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan terhadap pengendalian penyata kewangan bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk menyelaraskan perbezaan baki semua akaun pinjaman dan mengutip baki pinjaman yang belum selesai;
- b. meningkatkan usaha-usaha untuk mencari sumber pendapatan baru dan mengurangkan tunggakan hasil bagi memenuhi keperluan perbelanjaan mengurus dan pembangunan;
- c. Unit Audit Dalam Kerajaan Negeri disaran agar dapat memainkan peranan yang lebih aktif bagi membantu Jabatan/Agensi di Negeri Johor untuk mencapai tahap pengurusan kewangan yang lebih baik; dan
- d. mempercepatkan penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

23 Oktober 2018



LAMPIRAN

LAMPIRAN I



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2017 yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 11.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Johor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Johor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Johor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Johor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Johor telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.


Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 SEPTEMBER 2018



LAMPIRAN II

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

DAN BENDAHARI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Pernyataan Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan 'International Public Sector Accounting Standard' – Financial Reporting under the cash basis of Accounting'; dan
- (b) Dengan menyatakan matlumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan sahsama pada 31 Disember 2017.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017.

DATO' HAJI ARAHM BIN HAJI NIN

Pegawai Kewangan Negeri

Johor.

27 Mei 2018

HJ ZULKIFLY BIN HJ MOHD TAHIR

Bendahari Negeri

Johor.

27 Mei 2018

LAMPIRAN III

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
彭文
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

LAPORAN : LT001

	Nota	2017	2016
		(RM)	(RM)
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	979,473,722.10	1,143,643,491.53
PELABURAN	4	1,445,209,504.68	1,520,203,162.45
		2,424,683,226.78	2,663,846,653.98
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,122,847,615.01	1,117,575,582.94
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,301,835,611.77	1,546,271,071.04
		2,424,683,226.78	2,663,846,653.98

LAMPIRAN IV

KERAJAHAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

LAPORAN : LT003

	2017	2016
	(RM)	(RM)
TERIMAAN		
HASIL		
Hasil Cukai	451,555,105.91	419,775,710.84
Hasil Bukan Cukai	908,468,982.53	920,799,273.10
Terimaan Bukan Cukai	196,673,186.87	321,651,036.11
	1,556,697,275.31	1,662,226,020.05
PINJAMAN		
Pinjaman Dalam Negeri	0.00	0.00
Pinjaman Luar Negeri	0.00	0.00
	0.00	0.00
TERIMAAN MODAL		
Jualan Instrumen Kewangan	1,805,209,504.68	20,793,975.70
TERIMAAN LAIN		
Terimaan Amanah	7,415,704,176.08	463,460,954.42
	7,415,704,176.08	463,460,954.42
JUMLAH TERIMAAN	10,777,610,956.07	2,146,480,950.17
BAYARAN		
PERBELANJAAN MENGURUS		
Emolumen	482,239,953.08	420,056,746.48
Perkhidmatan Dan Bekalan	246,103,226.91	294,613,975.26
Aset	18,770,388.41	24,455,495.08
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	798,799,984.47	800,776,871.87
Perbelanjaan Lain	5,511,690.37	3,249,370.03
	1,551,425,243.24	1,543,152,458.72
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
Langsung	710,508,687.09	
Pinjaman	0.00	566,523,060.68
	710,508,687.09	566,523,060.68
PERBELANJAAN MODAL		
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00	0.00
Pembelian Instrumen Kewangan	1,730,215,846.91	500,006,643.00
	1,730,215,846.91	500,006,643.00
BAYARAN BALIK PINJAMAN		
Pinjaman Dalam Negeri	0.00	0.00
Pinjaman Kepada Agenzi / Pindahan Kepada Akuan Amanah	0.00	0.00
	0.00	0.00
BAYARAN LAIN		
Bayaran Amanah	6,949,630,948.26	0.00
	6,949,630,948.26	0.00
JUMLAH BAYARAN	10,941,780,725.50	2,609,682,162.40
Tambahan / (Kurangan) Wanglunai	(164,169,769.43)	(463,201,212.23)
	1,143,643,491.53	1,606,844,703.76
Wanglunai Pada, 1 Januari	979,473,722.10	1,143,643,491.53
Wanglunai Pada, 31 Disember		

LAMPIRAN V

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Laporan: LT004

PENYATA AKAUN MEMORANDUM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	2017 RM	2016 RM
MEMORANDUM ASET	8		
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		549,615,238.77	523,571,517.41
PELABURAN		694,368,796.14	913,073,200.40
		1,243,984,034.91	1,436,644,717.81
MEMORANDUM LIABILITI	9		
PINJAMAN-PINJAMAN LAIN		123,363,582.73	131,969,127.62
PROJEK/RANCANGAN BEKALAN AIR		334,514,923.90	334,514,923.90
PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR)		16,575,517.67	18,321,846.83
PERBADANAN JOHOR		53,989,112.61	60,261,357.75
		528,443,136.91	545,067,256.10

LAMPIRAN VI

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan Penyata Kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim adalah berdasarkan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan :
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang;
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu;
 - iii) Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsualian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa;
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa;
 - iii) Mengakaunkan urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah , Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.
- e) Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM) . Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas penambahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya,
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan,

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) , Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting mengandungi komponen berikut;

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang dibenarkan. Mulai tahun 2011, pelaburan deposit dalam negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasikan sebagai wang tunai dalam bank selaras dengan Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS.

Wang tunai dalam perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat Perbendaharaan Negeri Johor pada akhir tahun kewangan.

Wang tunai dalam tangan merupakan wang panjar.

Wang Tunai pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT005, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada pelaburan wang amanah dan pelaburan am dan dinyatakan dalam nilai buku.

Pelaburan wang amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10. Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Yang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Mulai tahun 2011, pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasikan sebagai wang tunai dalam bank selaras dengan Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS.

Pelaburan pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT006, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT007, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana Undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53), sebahagian hasil cukai pendapatan dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai bagi tujuan bayaran balik cukai yang telah terlebih kutip.

Hasil Mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT013, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut Undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT014, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN.

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa Undang-undang Kerajaan Negeri.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Pinjaman Luar Negeri dan Pinjaman bagi membayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri adalah Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk.

Bayaran Hutang Kerajaan Persekutuan tidak diakaunkan di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan – T05.

Akaun Pinjaman Disatukan seperti pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT008, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak Undang-undang, Akta-akta Acara Kewangan, Suratcara Amanah, Arahan Amanah dan Perjanjian. Wang Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan seperti pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT009, Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari Peruntukkan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang ini mengakaunkan terimaan dan bayaran perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406).

Terimaan utama bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran dan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang ini. Bayaran kepada Kumpulan Wang ini

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT012 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

(ii) **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan Kumpulan Wang Pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT012 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

(b) **Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Akta Khas atau Akata Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah Aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Sumber kewangan kumpulanwang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT011 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

(c) **Akaun Deposit**

Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah Undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit pada 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT010 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.

8. **MEMORANDUM ASET**

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian asset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) **Pinjaman Boleh Tuntut**

Pinjaman Boleh Tuntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun, Koperasi, Syarikat, Perseorangan dan Pelbagai.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan badan-badan berkanun.

9. MEMORANDUM LIABLITI

Memorandum Liabiliti merupakan sebahagian liabiliti Kerajaan iaitu Hutang Kerajaan Negeri dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Mulai tahun kewangan 2011, Hutang Kerajaan Negeri disifatkan sebagai Pinjaman selaras dengan para 1.10 Cash Basis IPSAS. Pada akhir tahun, Hutang Luar Negeri dalam matawang asing ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia untuk tahun berakhir kewangan.

Memorandum Aset dan Liabiliti 31 Disember 2017 adalah seperti **Penyata LT004 Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2017**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

